



**DASAR DAN GARIS PANDUAN
PROGRAM KOLABORASI INDUSTRI
(*INDUSTRIAL COLLABORATION PROGRAMME – ICP*)
DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

EDISI KEDUA

ISI KANDUNGAN

BAB 1 - PENGENALAN	1
1.1 - LATAR BELAKANG.....	1
1.2 - FALSAFAH	2
1.3 - OBJEKTIF.....	4
1.4 - RUJUK SILANG.....	5
1.5 - TERMINOLOGI DAN DEFINISI	5
BAB 2 – PRINSIP PELAKSANAAN	16
2.1 - PENGENALAN.....	16
2.2 - PRINSIP-PRINSIP.....	17
2.3 - TERMA DAN SYARAT.....	19
2.4 - KEPATUHAN KEPADA DASAR ICP.....	26
BAB 3 – KATEGORI	30
3.1 - PENGENALAN	30
3.2 - PROGRAM <i>OFFSET</i>	30
3.3 - PROGRAM PENGUKUHAN EKONOMI (EEP).....	35
3.4 - PROGRAM PERDAGANGAN TIMBAL BALAS	37
3.5 - KANDUNGAN TEMPATAN MALAYSIA (MLC).....	39
3.6 - USAHASAMA (JV) DAN KONSORTIUM DENGAN SYARIKAT TEMPATAN.....	42
BAB 4 – RANGKA KERJA PENGURUSAN ICP MALAYSIA	45
4.1 - PENGENALAN	45
4.2 - PRA-PELAKSANAAN	45
4.3 - PELAKSANAAN.....	53
4.4 - PASCA PELAKSANAAN.....	55

BAB 5 – PERBANKAN KREDIT PRA-ICP58

5.1 - PENGENALAN 58

5.2 - TERMA DAN SYARAT..... 58

5.3 - PELAKSANAAN..... 59

BAB 6 – STRUKTRUR PENGURUSAN 61

6.1 - PENGENALAN 61

6.2 - JAWATANKUASA-JAWATANKUASA ICP 61

6.3 - KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) 62

6.4 - TECHNOLOGY DEPOSITORY AGENCY (TDA) 62

6.5 - JAWATANKUASA EKSEKUTIF ICP MALAYSIA (MIEC) 67

6.6 - JAWATANKUASA ICP (IC) 68

6.7 - JAWATANKUASA PEMANTAUAN IMU (IMC) 71

6.8 - JAWATANKUASA TADBIR URUS OPERASI ICP (IOGC) 72

6.9 - UNIT PENGURUSAN ICP (IMU) 74

6.10 - JAWATANKUASA PENILAIAN ICP (IEC) 76

6.11 - JAWATANKUASA KERJA ICP (IWC) 77

6.12 - PERKHIDMATAN PERUNDING DAN KHIDMAT NASIHAT ICP 79

6.13 - PUSAT RUJUKAN 79

BAB 7 – PENUTUP80

Lampiran:

Lampiran 1 – Rangka Kerja dan Carta Alir Pengurusan ICP Malaysia

Lampiran 2 – Pengiraan Nilai Kredit ICP

Lampiran 3 – Pengganda

Lampiran 4 – Pengiraan Penalti ICP

Lampiran 5 – Klausa ICP Dalam Kontrak Perolehan

Lampiran 6 – Surat Pelepasan Obligasi

BAB 1 - PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG

- 1.1.1 Kerajaan Malaysia komited untuk membangunkan teknologi, industri dan ekonomi secara keseluruhan bagi meningkatkan daya saing negara dalam pasaran global, disokong oleh pandangan ekonomi yang holistik serta strategi pembangunan yang sistematik. Usaha ini adalah amat penting untuk menampung keperluan dalam merealisasikan dasar-dasar semasa kerajaan ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi. Bagi menyokong agenda tersebut, kerajaan memanfaatkan platform Program Kolaborasi Industri (*Industrial Collaboration Program - ICP*) sebagai salah satu dasar kerajaan yang terpakai ke atas semua aktiviti perolehan kerajaan merangkumi bekalan, perkhidmatan dan kerja.
- 1.1.2 Berdasarkan kepada manfaat Program *Offset* terdahulu yang telah menyumbang kepada pembangunan industri tempatan dan perkembangan ekonomi negara, kerajaan berhasrat memperluaskan lagi skop dasar Program *Offset* untuk turut merangkumi pelbagai sektor yang strategik. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah melaksanakan **ICP** berdasarkan Dasar dan Garis Panduan semasa yang diperkenalkan melalui IPP/PK 1.1/ Perenggan 6(v) bertajuk Dasar dan Garis Panduan Program Kolaborasi Industri Dalam Perolehan Kerajaan.
- 1.1.3 **ICP** adalah program yang melibatkan aktiviti yang akan memberi nilai tambah ke atas sesuatu perolehan yang dibuat oleh kerajaan dengan mengambil kira kos yang efektif. **ICP** merangkumi Program Pengukuhan Ekonomi (**EEP**), Program Perdagangan Timbalbalas (*Countertrade*) dan Program *Offset*.

- 1.1.4 Dasar dan Garis Panduan ini hendaklah digunakan sebagai panduan dan rujukan kepada terma dan syarat pelaksanaan aktiviti-aktiviti **ICP** di Malaysia. Justeru, bagi memastikan pelaksanaan **ICP** dilakukan secara teratur dan sistematik, satu **Rangka Kerja Pengurusan ICP Malaysia** telah dibentuk sebagai panduan kepada proses pelaksanaan tersebut.
- 1.1.5 Kementerian Kewangan Malaysia (*Ministry of Finance – MOF*) sebagai wakil kerajaan bertanggungjawab ke atas **ICP**, berhak untuk membuat pindaan ke atas Dasar dan Garis Panduan ini pada bila-bila masa sekiranya diperlukan. Sebarang kerugian yang mungkin timbul akibat daripada pindaan tersebut tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada pihak kerajaan.
- 1.1.6 Dasar dan Garis Panduan **ICP** ini turut diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam pentafsiran, versi Bahasa Malaysia adalah terpakai.

1.2 FALSAFAH

- 1.2.1 Dalam mendokong pelaksanaan agenda negara, **ICP** digunakan sebagai salah satu strategi pembangunan bagi mengukuhkan pencapaian sosioekonomi negara, berlandaskan Program **ICP** mampan untuk meningkatkan keupayaan dan kapasiti semasa dalam bidang-bidang strategik yang telah dikenal pasti ke aras yang lebih tinggi. Keutamaan diberi kepada aktiviti yang menyumbang kepada aspirasi negara dalam usaha mencapai status negara maju. Oleh yang demikian, syarikat-syarikat pembuat asal (*Original Equipment Manufacturer – OEM*) harus mengguna pakai **ICP** sebagai satu strategi pelaburan jangka panjang dalam membangun dan mengukuhkan perniagaan mereka di Malaysia.

- 1.2.2 Pelaksanaan **ICP** juga merupakan satu usaha kerajaan untuk membuka peluang kepada pemain-pemain industri tempatan bersaing di pasaran global dan boleh dijadikan sebagai batu loncatan kepada pemain-pemain industri tempatan untuk terlibat secara aktif di dalam rantaian bekalan global (*global supply chain*). Oleh itu, pelaksanaan **ICP** perlu mengambil kira kepentingan semua pihak (situasi menang-menang dan melengkapi) untuk memastikan impak yang lebih menyeluruh. Justeru, Penyedia **ICP** perlu memberikan komitmen sepenuhnya dalam memastikan faedah **ICP** dapat dicapai sepertimana yang disasarkan.
- 1.2.3 Bagi tujuan pelaksanaan **ICP**, keadaan berikut adalah terpakai:
- 1.2.3.1 **ICP** adalah mandatori bagi semua Agensi kerajaan yang membuat perolehan jika nilainya sama atau melebihi Nilai Ambang **ICP** yang ditetapkan dalam **Perenggan 2.3.1**;
- 1.2.3.2 Mana-mana perolehan yang dilaksanakan oleh Entiti lain selain daripada Agensi kerajaan, jika dibiayai dengan dana Kerajaan Persekutuan; atau
- 1.2.3.3 Sebarang perolehan oleh Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government Linked Company - GLC*) dan anak syarikatnya atau Syarikat Persendirian di mana pembiayaan perolehan tersebut dimudah cara serta dijamin oleh kerajaan; dan
- 1.2.3.4 **GLC** dan anak syarikatnya atau Syarikat Persendirian adalah digalakkan melaksanakan **ICP** jika perolehan tersebut dibiayai oleh dana persendirian, sebagai sumbangan kepada pembangunan industri-industri di Malaysia. Pulangan manfaat kepada pelaksanaan **ICP** tersebut boleh dirujuk kepada **MOF** atau Kementerian/Agensi yang berkaitan.

- 1.2.4 Kejayaan pelaksanaan **ICP** adalah bergantung kepada kerjasama semua *stakeholder* yang terlibat (Agensi, Penyedia **ICP**, Penerima **ICP**, **IMU** dan **TDA**).

1.3 OBJEKTIF

Objektif-objektif **ICP** adalah seperti berikut:

- 1.3.1 Sebagai pemangkin kepada syarikat tempatan untuk terlibat dalam kerjasama strategik global yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan industri melalui aktiviti pembangunan dan pengukuhan kemahiran, keupayaan, kapasiti, pemasaran serta potensi eksport;
- 1.3.2 Memaksimumkan penggunaan kandungan tempatan dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar dan seterusnya mengurangkan aliran keluar mata wang negara;
- 1.3.3 Menampung kemampuan industri tempatan melalui peningkatan keupayaan dan kapasiti pengeluaran dalam penglibatan rantaian bekalan global;
- 1.3.4 Mengalakkan pemindahan teknologi (*Transfer of Technology - ToT*) dan pembangunan pengetahuan yang strategik;
- 1.3.5 Menjalin kerjasama strategik dalam projek-projek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (*Research, Development and Commercialisation - R&D&C*); dan
- 1.3.6 Memudah cara inisiatif pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*), pelaburan langsung tempatan (*domestic direct investment*) dan menggalakkan kerjasama untuk membangunkan sumber manusia dalam sektor-sektor strategik seterusnya mewujudkan

peluang-peluang pekerjaan, meningkatkan kepakaran serta keupayaan tempatan.

1.4 RUJUK SILANG

Untuk memastikan keterangkuman pelaksanaan **ICP** ini dengan inisiatif – inisiatif lain kerajaan, berikut adalah dokumen-dokumen dasar dan garis panduan lain yang digunakan sebagai rujukan dalam dokumen ini:

- 1.4.1 1Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (**1PP**);
- 1.4.2 Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana 2012-2020 oleh Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan.
- 1.4.3 Garis Panduan Program Pembangunan Vendor oleh SME Corporation; dan
- 1.4.4 Lain-lain Dasar, Peraturan, Pelan Tindakan dan Garis Panduan oleh Kerajaan Malaysia yang sedang berkuatkuasa.

1.5 TERMINOLOGI DAN DEFINISI

Berikut adalah definisi terminologi-terminologi yang digunakan di dalam dokumen ini:

- 1.5.1 **Agensi** merupakan Kementerian (Persekutuan dan Negeri), Jabatan (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Tempatan, Badan Berkanun dan mana-mana organisasi yang menggunakan peruntukan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan untuk beroperasi, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya.

- 1.5.2 **Agensi yang Membuat Perolehan** adalah agensi yang melaksanakan proses perolehan.
- 1.5.3 **Audit Pasca Pelaksanaan** (*Post Implementation Audit – PIA*) adalah aktiviti untuk menentukan **ICV** sebenar yang telah dijana dan menilai kepatuhan Penyedia **ICP** terhadap **Obligasi ICP** yang berkenaan.
- 1.5.4 **Audit Pemantauan** (*Surveillance Audit - SA*) adalah aktiviti yang bertujuan untuk menilai isu-isu yang diketengahkan berkaitan dengan pelaksanaan projek **ICP** bagi menentukan tahap keberkesanan prestasi dalam parameter yang dipersetujui sekiranya perlu.
- 1.5.5 **Audit Penerima ICP** (*ICP Recipient Audit – IRA*) adalah aktiviti yang dijalankan untuk menilai kesesuaian, kelayakan dan kesediaan calon yang berpotensi sebagai Penerima **ICP**.
- 1.5.6 **Calon Penerima ICP** adalah Entiti yang telah dicadangkan atau yang dikenal pasti menjadi Penerima **ICP**, tetapi belum melalui proses **IRA**.
- 1.5.7 **Dokumen Keperluan ICP** (*ICP Requirement Document – IRD*) adalah satu dokumen yang memberi panduan kepada pembida/pembekal berkaitan keperluan projek **ICP** dalam sesuatu perolehan.
- 1.5.8 **Dokumen Strategi ICP** (*ICP Strategy Document - ISD*) adalah dokumen yang dijadikan sebagai garis panduan untuk pembangunan **IRD** bagi sesuatu Program **ICP** yang telah dikenal pasti.
- 1.5.9 **Entiti** boleh terdiri daripada (tetapi tidak terhad kepada) syarikat, agensi, organisasi atau individu tempatan.

- 1.5.10 **Jawatankuasa Eksekutif ICP Malaysia** (*Malaysian ICP Executive Committee - MIEC*) adalah jawatankuasa tertinggi yang ditubuhkan di peringkat Kementerian Kewangan bertujuan untuk memantau dan menentukan hala tuju strategik pelaksanaan **ICP** di Malaysia.
- 1.5.11 **Jawatankuasa ICP** (*ICP Committee - IC*) merupakan jawatankuasa yang dibentuk di peringkat Agensi Perolehan yang bertanggung jawab mengurus dan mentadbir pelaksanaan **ICP** yang berkaitan. Peranan dan fungsinya ditakrifkan di dalam Dasar dan Garis Panduan ini.
- 1.5.12 **Jawatankuasa Kerja ICP** (*ICP Working Committee - IWC*) adalah jawatankuasa yang dibentuk di peringkat **IMU**, di mana peranan dan fungsinya ditakrifkan dalam Dasar dan Garis Panduan ini.
- 1.5.13 **Jawatankuasa Pemantauan IMU** (*IMU Monitoring Committee - IMC*) adalah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan untuk memantau **IMU** yang dilantik/ditubuh dimana peranan dan fungsinya ditakrifkan dalam Dasar dan Garis Panduan ini.
- 1.5.14 **Jawatankuasa Penilaian ICP** (*ICP Evaluation Committee – IEC*) adalah jawatankuasa yang ditubuhkan di Agensi yang Membuat Perolehan untuk membuat penilaian ke atas cadangan **ICP**, dengan bantuan **IMU** sebagai sekretariat dan dipengerusikan oleh Ketua **TDA** atau individu yang diturunkan kuasa oleh Ketua **TDA**.
- 1.5.15 **Jawatankuasa Tabdir Urus Operasi ICP** (*ICP Operational Governance Committee – IOGC*) adalah satu jawatankuasa yang ditubuhkan untuk memantau tadbir urus pelaksanaan pengoperasian Rangka Kerja Pengurusan **ICP** Malaysia dan proses-proses lain yang dinyatakan di dalam Dasar dan Garis Panduan **ICP**.

- 1.5.16 **Kandungan Tempatan** (*Local Content - LC*) adalah penggunaan sumber tempatan termasuk (tetapi tidak terhad kepada) bahan, peralatan, tenaga kerja dan perkhidmatan.
- 1.5.17 **Kerajaan Malaysia** adalah kerajaan yang diwakili oleh Kementerian Kewangan sebagai Agensi Utama dan disokong oleh Agensi yang Membuat Perolehan yang lain.
- 1.5.18 **Konsortium** adalah penyatuan atau kombinasi dua atau lebih syarikat atau pelabur bagi mengambil bahagian dalam aktiviti perniagaan atau pengumpulan sumber-sumber mereka untuk mencapai matlamat yang sama.
- 1.5.19 **Kontrak Perolehan Utama** adalah kontrak yang dimeterai antara kerajaan yang diwakili oleh Agensi yang Membuat Perolehan dengan pihak Pembekal untuk perolehan yang akan dilaksanakan dalam suatu tempoh masa dan harga yang dipersetujui.
- 1.5.20 **Laporan Penilaian ICP** (*ICP Evaluation Report - IER*) adalah laporan yang dihasilkan selepas aktiviti penilaian dilaksanakan oleh IEC.
- 1.5.21 **Nilai Kredit ICP** (*ICP Credit Value - ICV*) adalah nilai kredit yang dijana dalam tempoh pelaksanaan ICP bagi memenuhi Obligasi ICP.
- 1.5.22 **Nilai Kredit ICP Mandatori** (*Mandatory ICP Credit Value*) adalah nilai kredit yang perlu dijana oleh Penyedia ICP seperti yang dinyatakan dalam **Perenggan 2.3.2.1** Dasar dan Garis Panduan ini.
- 1.5.23 **Nilai Kredit ICP Obligasi** (*Obligated ICP Credit Value*) adalah nilai kredit yang perlu disempurnakan oleh Penyedia ICP seperti yang telah dipersetujui dan diluluskan dalam Perjanjian Utama ICP.

- 1.5.24 **Obligasi ICP** adalah terma dan syarat yang digariskan di dalam Perjanjian Utama dan Sekunder **ICP** yang mana ianya hendaklah dipatuhi oleh Penyedia **ICP** dengan merujuk kepada Dasar dan Garis Panduan ini.
- 1.5.25 **Pakar Bidang Khusus** (*Subject Matter Expert - SME*) adalah orang yang mempunyai kelayakan yang sesuai, pensijilan dan pengalaman atau pengetahuan yang meluas dalam bidang atau topik tertentu.
- 1.5.26 **Pakej Kerja Tempatan** adalah sub-kontrak yang diberikan kepada syarikat tempatan.
- 1.5.27 **Pasukan Projek** adalah suatu unit yang ditubuhkan di peringkat Agensi yang Membuat Perolehan untuk menguruskan pelaksanaan aktiviti perolehan utama.
- 1.5.28 **Pembangunan Kandungan Tempatan** (*Localization*) adalah pembuatan produk tempatan dan berkait secara langsung dengan reka bentuk, pembangunan dan pemasangan bahagian-bahagian serta komponen (sepenuhnya atau sebahagian) yang melibatkan pemindahan teknologi dan pengetahuan.
- 1.5.29 **Pembelian Balas** (*Counterpurchase*) merupakan kaedah yang dipersetujui oleh pihak pembekal/kontraktor seperti yang terkandung dalam Kontrak Perolehan Utama untuk pembelian barangan tempatan.
- 1.5.30 **Penerima ICP** adalah Entiti tempatan yang telah melalui proses **IRA** dan dipilih untuk menjadi Penerima **ICP**.
- 1.5.31 **Pengganda** adalah merupakan satu nilai integer yang digunakan dalam pengiraan **ICV** berdasarkan kepada impak projek yang dicadangkan dalam sesuatu **ICP**.

- 1.5.32 **Penyedia ICP** adalah (tidak terhad tetapi mempunyai fungsi yang sama) **OEM**, pembekal, kontraktor antarabangsa atau **STU** yang bertanggungjawab melaksanakan Obligasi **ICP** yang dipersetujui.
- 1.5.33 **Perbankan Kredit ICP** adalah satu akaun lebihan **ICV** daripada pelaksanaan Obligasi **ICP** atau **ICV** yang dijana daripada pelaksanaan aktiviti Pra-**ICP**.
- 1.5.34 **Perdagangan Timbalbalas** (*Countertrade*) merupakan salah satu kategori di bawah **ICP** yang merangkumi Pembelian Balas (*Counterpurchase*) dan Pembelian Semula (*Buyback*).
- 1.5.35 **Perjanjian Sekunder ICP** (*Second Tier ICP Agreement*) adalah merupakan satu perjanjian di mana bentuk dan terma-termanya dipersetujui dan ditandatangani antara Penyedia **ICP** dan/atau Pihak Berkuasa **ICP** dan Penerima **ICP** bagi tujuan perincian Projek **ICP** yang akan dilaksanakan.
- 1.5.36 **Perjanjian Tambahan ICP** (*Supplemental ICP Agreement*) adalah perjanjian tambahan kepada Perjanjian Utama **ICP** bagi memenuhi baki **ICV** Mandatori yang perlu disempurnakan dalam bentuk perjanjian atau sebarang dokumen yang dipersetujui oleh **IC**.
- 1.5.37 **Perjanjian Utama ICP** (*First Tier ICP Agreement*) adalah perjanjian antara kerajaan dan/atau Agensi yang Membuat Perolehan dan Penyedia **ICP** yang menggariskan terma-terma berkaitan hak, tugas dan obligasi terhadap **ICP**.
- 1.5.38 **Perolehan** adalah proses pembelian yang dibuat oleh Agensi yang melibatkan bekalan, perkhidmatan dan kerja.
- 1.5.39 **Perolehan Strategik** adalah perolehan yang bertujuan untuk memastikan bekalan barangan, perkhidmatan dan kerja yang kritikal

kepada keupayaan negara tidak terhalang di dalam memenuhi kepentingan/objektif negara. Bidang yang berkaitan (tidak terhad kepada) adalah:

- a) Pertahanan dan keselamatan;
- b) ICT yang berkaitan pertahanan, keselamatan dan strategik;
- c) Keselamatan siber;
- d) Keselamatan air dan tenaga;
- e) Perubahan iklim dan alam sekitar;
- f) Keselamatan pengangkutan dan
- g) Kelestarian mobiliti.

1.5.40 **Pihak Berkuasa ICP (ICP Authority)** iaitu Technology Depository Agency (TDA) sebagai organisasi yang telah diberi mandat oleh Kerajaan Malaysia bagi mengurus tadbir pelaksanaan ICP di Malaysia dan peranan serta fungsinya ditakrifkan di dalam Dasar dan Garis Panduan ini.

1.5.41 **Pihak Berkuasa Melulus (Appointed Approving Authority – AAA)** adalah pihak berkuasa yang ditubuhkan oleh MOF.

1.5.42 **Program Offset** adalah salah satu kategori di bawah ICP, di mana sesuatu kontrak perolehan dianugerahkan kepada syarikat asing.

1.5.43 **Program Pembangunan Vendor (PPV)** adalah satu program yang dilaksanakan oleh STU bagi membangunkan industri tempatan berdasarkan kepada garis panduan PPV yang dikeluarkan oleh kerajaan.

1.5.44 **Program Pengukuhan Ekonomi (Economic Enhancement Programme - EEP)** merupakan salah satu kategori ICP yang mana kontrak perolehan dianugerahkan kepada Syarikat Tempatan Utama (STU).

- 1.5.45 **Projek ICP** adalah projek-projek yang dikenal pasti dalam sesuatu Program ICP yang menyumbang kepada penjanaaan ICV.
- 1.5.46 **Rakan Pelaksana Projek** (*Project Delivery Partner – PDP*) adalah pihak ketiga yang dilantik oleh Agensi untuk melaksanakan perolehan tersebut bagi pihaknya.
- 1.5.47 **Rangka Kerja Pengurusan ICP Malaysia** (*Malaysian ICP Management Framework*) adalah satu rangka kerja yang menyediakan garis panduan berkaitan semua proses yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan sesuatu program ICP.
- 1.5.48 **Senarai Bahan** (*Bill of Material - BOM*) merupakan satu senarai lengkap bahan termasuk bahan mentah bagi penghasilan/pembuatan sesuatu produk.
- 1.5.49 **Syarikat Berkaitan Kerajaan** (*Government Linked Company – GLC*) adalah badan korporat dimana Kerajaan Malaysia mempunyai pegangan untuk kawalan serta kepentingan di dalamnya sama ada secara langsung atau tidak langsung. Secara umumnya GLC merangkumi:
- a) Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD);
 - b) Semua syarikat subsidiari Khazanah Nasional Berhad;
 - c) Syarikat-syarikat Pemodalan Nasional Berhad (PNB);
 - d) Semua syarikat Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri; dan
 - e) Mana-mana syarikat yang mempunyai *Golden Share*.
- 1.5.50 **Syarikat Milik Kerajaan** (*Government Owned Company - GOC*) adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Malaysia (Persekutuan atau Negeri).

- 1.5.51 **Syarikat Pembuat Asal** (*Original Equipment Manufacturer – OEM*) adalah syarikat pembuatan sebenar kepada peralatan/produk yang memegang semua hak peralatan atau komponen.
- 1.5.52 **Syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana** (*Small and Medium Enterprises - SMEs*) adalah syarikat tempatan yang menepati definisi perusahaan kecil dan sederhana oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Ministry of International Trade and Industry - MITI).
- 1.5.53 **Syarikat Tempatan** (dalam konteks pelaksanaan **ICP**) adalah:
- a) Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan kawalan kepentingan oleh warganegara Malaysia dan majoriti ahli Lembaga Pengarah adalah warganegara Malaysia;
 - b) Syarikat usahasama yang diperbadankan di Malaysia (sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) hendaklah mematuhi IPP/PK1.
 - i. Usaha Sama di antara Tempatan Dan Asing
Syarikat yang diiktiraf sebagai sebuah syarikat usaha sama di antara tempatan dan asing hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:
 - 1. Syarikat tersebut hendaklah ditubuhkan di Malaysia. Pemilikan ekuiti asing tidak melebihi tiga puluh peratus (30%) manakala warganegara Malaysia Bumiputera tidak kurang tiga puluh (30%); dan
 - 2. Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan hendaklah mengikut komposisi peratusan di dalam pemilikan ekuiti.

- ii. Usaha Sama di antara Bumiputera dan Asing
Syarikat yang diiktiraf sebagai usaha sama di antara Bumiputera dan Asing hendaklah memenuhi kriteria seperti berikut:
 - 1. Syarikat tersebut hendaklah ditubuhkan di Malaysia. Pemilikan ekuiti warganegara Malaysia Bumiputera tidak kurang lima puluh satu peratus (51%) dan asing tidak melebihi empat puluh sembilan peratus (49%); dan
 - 2. Ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan hendaklah mengikut komposisi peratusan di dalam pemilikan ekuiti.
- c) Syarikat yang mana hak milik ekuiti oleh warganegara Malaysia mencapai nilai sekurang-kurangnya lima puluh satu peratus (51%) dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

1.5.54 **Syarikat Tempatan Utama (STU)** adalah syarikat tempatan merangkumi **GOC, GLC** dan anak syarikatnya termasuk syarikat persendirian yang diberi kontrak oleh kerajaan untuk tujuan bekalan, perkhidmatan dan kerja.

1.5.55 **Unit Pengurusan ICP (ICP Management Unit - IMU)** adalah unit yang ditubuhkan untuk membantu Agensi yang Membuat Perolehan melaksanakan **ICP** di mana peranan serta fungsinya ditakrifkan dalam Dasar dan Garis Panduan ini.

1.5.56 **Usahasama** (*Joint Venture - JV*) adalah kerjasama dalam bentuk entiti baharu yang sah di sisi undang-undang atau perjanjian yang mentadbir hubungan di antara dua atau lebih syarikat untuk tujuan perniagaan.

BAB 2 - PRINSIP PELAKSANAAN

2.1 PENGENALAN

- 2.1.1 Pelaksanaan **ICP** di Malaysia ditadbir urus berdasarkan kepada prinsip, syarat-syarat dan terma-terma yang dikenal pasti oleh kerajaan sepertimana yang dinyatakan di dalam Dasar dan Garis panduan ini bagi mendapat manfaat optimum kepada pembangunan industri tempatan dan menyumbang kepada ekonomi negara.
- 2.1.2 Bagi tujuan penganugerahan Surat Setuju Terima Kontrak Perolehan Utama, **IMU** (dengan nasihat dan perakuan **TDA**) dan Penyedia **ICP** perlu memberikan anggaran **ICV** yang akan dijana berdasarkan kepada projek yang telah dicadangkan untuk pelaksanaan. Oleh yang demikian, Penyedia **ICP** dan **IMU** perlu mengenal pasti dan memersetujui secara dasar projek-projek untuk dilaksanakan dalam Program **ICP** dan dinyatakan dalam Surat Setuju Terima tersebut. Satu salinan Surat Setuju Terima itu perlu dipanjangkan kepada pihak **TDA** sebagai rujukan seperti yang tertera dalam Pekeliling IPP/PK1.1/Perenggan 6(v) (j).
- 2.1.3 Penyedia **ICP** perlu memperincikan pelan pelaksanaan dan jangkaan keberhasilan serta penyampaian (*expected outcomes & deliverables*) dalam Jadual A dari Perjanjian Utama **ICP**. Perjanjian ini hendaklah ditandatangani secara bersama dengan Kontrak Perolehan Utama. Satu salinan Perjanjian Utama **ICP** yang telah ditandatangani perlu dipanjangkan kepada pihak **TDA** dan **IMU** sebagai rujukan.
- 2.1.4 Sekiranya Agensi sebagai Pemilik Program menggunakan pihak ketiga bagi pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama seperti **PDP**, Agensi tersebut perlu membenarkan **TDA** dan **IMU** untuk berhubung

terus dengan pembekal-pembekal yang terlibat bagi merancang pelaksanaan **ICP** yang dikenal pasti.

- 2.1.5 Sekiranya Kontrak Perolehan Utama dianugerahkan kepada **STU** dan seterusnya **STU** tersebut melantik **OEM** asing bagi tujuan pembekalan/perkhidmatan tersebut, **STU** terbabit perlu membenarkan pihak **TDA** dan **IMU** berhubung secara terus dengan **OEM** tersebut bagi merancang pelaksanaan **ICP** yang dikenal pasti.

2.2 PRINSIP-PRINSIP

- 2.2.1 Pelaksanaan **ICP** perlu dirangka secara teratur melalui program dan aktiviti yang membolehkan kerajaan memperolehi pulangan nilai faedah terbaik (*best value for money*) daripada setiap **ICP** yang tercetus oleh perolehan tersebut. Oleh yang demikian, **ICP** di Malaysia secara amnya akan dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang berikut:

2.2.1.1 Tiada Premium

Kerajaan tidak akan menanggung sebarang premium sebagai bayaran tambahan untuk menampung pelaksanaan **ICP**.

2.2.1.2 Faedah Bersama

- a) Pelaksanaan **ICP** hendaklah menguntungkan dan memberi faedah kepada kerajaan dan Penerima **ICP** atau memberi faedah yang sama kepada Penyedia **ICP**.
- b) Penyedia **ICP** perlu memastikan kemampuan pelaksanaan **ICP** untuk jangka masa yang panjang melalui pelaksanaan pelan perniagaan yang efektif.

2.2.1.3 Penambahan

Semua aktiviti **ICP** yang dicadangkan hendaklah memberi nilai tambah dan meningkatkan sumbangan (*over and above*) kepada keperluan asas/mandatori yang dinyatakan dalam Kontrak Perolehan Utama. Nilai tambah yang diperolehi dari aktiviti-aktiviti **ICP** mestilah diperakui dengan bukti-bukti yang dipersetujui oleh kerajaan.

2.2.1.4 Punca aktiviti **ICP**

ICP hendaklah terbentuk daripada:

- a) Satu kontrak perolehan oleh Kerajaan Malaysia; atau
- b) Satu kontrak perolehan oleh **GOC**; atau
- c) Mana-mana perolehan yang dilaksanakan oleh sesuatu **Entiti** yang menggunakan dana yang disediakan, disalurkan atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan.

2.2.1.5 Tanggungjawab

- a) Penyedia **ICP** adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyempurnakan pelaksanaan **ICP** yang telah dipersetujui.
- b) Aktiviti-aktiviti yang dibangunkan bagi tujuan **ICP** ini hendaklah berdasarkan kepada falsafah pembangunan industri dan ekonomi tempatan.
- c) Justeru, Penyedia **ICP** perlu menunjukkan komitmen mereka kepada kerajaan.
- d) Sekiranya pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama menggunakan Pihak Ketiga (seperti *Project Delivery*

Partner, Turnkey Projects dan sebagainya), tanggungjawab pelaksanaan Program **ICP** adalah terletak kepada Agensi yang Membuat Perolehan dan Penyedia **ICP**. Agensi yang Membuat Perolehan perlu memastikan syarat dan terma pelaksanaan Program **ICP** dilaksanakan seperti yang telah termaktub di dalam Dasar dan Garis Panduan ini.

- e) Bagi tujuan pelaksanaan **ICP** yang efektif dan efisien, **TDA** dan **IMU** perlu diberi kebenaran oleh Agensi yang Membuat Perolehan untuk berhubung secara terus dengan pembekal-pembekal (**OEM/STU**) berkenaan hal-hal berkaitan **ICP**.

2.2.1.6 Kemampanan

Penyedia **ICP** mestilah meyakinkan kerajaan bahawa projek yang dicadangkan mempunyai kemampanan jangka panjang dari aspek pengoperasian aset yang diperolehi, pembangunan negara dan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara, sepanjang dan melangkaui jangka masa pelaksanaan **ICP** yang telah ditetapkan.

2.3 TERMA DAN SYARAT

2.3.1 Nilai Ambang **ICP**

- 2.3.1.1 Setiap perolehan bernilai **RM50 juta dan ke atas** (atau satu nilai mata wang asing yang bersamaan dengan nilai Ringgit Malaysia (RM) tersebut) yang dianugerahkan kepada **OEM** atau pembekal perkhidmatan asing menggunakan dana yang disediakan, disalurkan atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan akan mencetuskan **Program Offset dan/atau**

Perdagangan Timbalbalas;

2.3.1.2 Setiap perolehan bernilai **RM100 juta dan ke atas** yang dianugerahkan kepada **STU** menggunakan dana yang disediakan, disalurkan atau dijamin oleh Kerajaan Persekutuan akan mencetuskan **Program Pengukuhan Ekonomi (EEP)**. Seterusnya, Program *Offset* dan/atau Perdagangan Timbalbalas akan tercetus jika **STU** tersebut menganugerahkan pula sub-kontrak kepada **OEM** asing yang bernilai RM50 juta dan ke atas (atau satu nilai mata wang asing yang bersamaan dengan nilai RM tersebut). Gabungan nilai **EEP** dan *Offset* perlulah bersamaan dengan nilai Kontrak Perolehan Utama. Obligasi **OEM** hendaklah dinyatakan di dalam Kontrak Perolehan Utama. **STU** hendaklah memastikan Obligasi **OEM** berkenaan dengan keperluan dan pelaksanaan **ICP** selaras dengan Dasar dan Garis Panduan **ICP** dinyatakan di dalam perjanjian sub-kontrak.

2.3.2 Nilai Kredit **ICP (ICV)**

2.3.2.1 **ICV Mandatori** (dalam RM) untuk satu program **ICP** hendaklah berdasarkan kepada **kadar seratus peratus (100%)** bersamaan dengan nilai Kontrak Perolehan Utama termasuk nilai tambahan dalam bentuk Wang Peruntukan Sementara, Wang Kos Prima, Duti Import dan Arahan Perubahan Kerja (jika jumlah Arahan Perubahan Kerja melebihi tiga puluh peratus (30%) dari nilai kontrak asal) melainkan perolehan kerja dan perkhidmatan seperti (tetapi tidak terhad kepada) *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO) yang mana **ICV Mandatori** akan ditentukan oleh **MOF**, mengikut kepada keperluan. Jumlah keseluruhan **ICV** mengandungi nilai kredit yang diperolehi daripada program **EEP**, *Offset* dan Perdagangan Timbalbalas.

Walaupun bagaimanapun, **ICV Mandatori** tidak termasuk nilai Cukai Jualan dan Perkhidmatan.

2.3.2.2 **ICV Obligasi** (dalam RM) adalah merujuk kepada nilai kredit yang perlu disempurnakan oleh Penyedia **ICP** seperti yang telah dipersetujui dan diluluskan dalam Perjanjian Utama **ICP**.

2.3.2.3 **IMU** adalah bertanggungjawab menyemak **ICV** secara berterusan bagi memastikan Penyedia **ICP** mematuhi keperluan **ICP** sebagaimana yang dinyatakan dalam Perjanjian Utama **ICP**. Penyedia **ICP** perlu menyediakan justifikasi kepada cadangan **ICV** tersebut melalui **IMU**, bagi semakan **IMU** dan kelulusan **IC**.

2.3.2.4 Penyedia **ICP** dengan bantuan **IMU** perlu mengenal pasti projek **ICP** secara dasar. **IMU** dan Penyedia **ICP** perlu membuat anggaran **ICV** yang akan dijana daripada projek **ICP** yang dipersetujui untuk pelaksanaan bagi tujuan pengeluaran Surat Setuju Terima Kontrak Perolehan Utama.

2.3.2.5 **ICV** yang dijana ini akan disemak oleh **TDA** seperti dinyatakan dalam **Perenggan 4.4**.

2.3.2.6 Kredit **ICP** hanya akan dianugerahkan kepada:

- a) Aktiviti yang bukan menjadi syarat tender atau pra-syarat pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama;
- b) Aktiviti yang memberikan sumbangan nilai tambah (*over and above*) dalam memenuhi keperluan asas/mandatori pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama; dan
- c) Pelaksanaan aktiviti yang memenuhi terma dan syarat Dasar dan Garis Panduan ini.

2.3.2.7 Pengiraan **ICV** adalah seperti di **Lampiran 2**.

2.3.3 Pengganda

2.3.3.1 Pengganda yang akan digunakan untuk tujuan penjanaaan **ICV** adalah berdasarkan impak terhadap pembangunan kebolehpayaan industri strategik yang dikenal pasti dan sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

2.3.3.2 Penyedia **ICP** perlu merujuk kepada **TDA** berkaitan inisiatif dan keperluan utama kerajaan dalam pembentukan **ICP** bagi menentukan pengganda yang bersesuaian.

2.3.3.3 **TDA** dan **IMU** akan menilai impak projek-projek yang dicadangkan dalam sesuatu program **ICP** ke atas pertumbuhan ekonomi dan pembangunan industri negara sebagai asas dalam menentukan pengganda yang bersesuaian dengan aktiviti **ICP** tersebut.

2.3.3.4 Jadual Pengganda seperti di **Lampiran 3**. Deskripsi, nilai pengganda dan kriteria (μ) boleh disemak semula oleh kerajaan mengikut kesesuaian dari semasa ke semasa.

2.3.4 Perbankan Kredit **ICP**

2.3.4.1 Penyedia **ICP** adalah digalakkan untuk melaksanakan lebih banyak aktiviti berkaitan **ICP** untuk menjana **ICV** yang lebih tinggi daripada **ICV** Obligasi. Segala usaha ini akan diperakukan oleh kerajaan sebagai satu usaha yang memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara.

- 2.3.4.2 Kerajaan akan mempertimbangkan lebih **ICP** ini sebagai Perbankan Kredit **ICP** untuk digunakan bagi memenuhi Obligasi **ICP** pada masa hadapan, dengan syarat aktiviti tersebut telah diluluskan oleh kerajaan.
- 2.3.4.3 Perbankan Kredit **ICP** hanya dibenarkan ke atas lebih **ICV** yang telah dijana semasa tempoh pelaksanaan **ICP** dan **ICV** tersebut telah melalui proses audit dan diberikan Surat Pelepasan Obligasi.
- 2.3.4.4 Untuk tujuan mendaftarkan lebih kredit **ICP** ini, Penyedia **ICP** perlu menyatakan hasrat untuk memperoleh kemudahan Perbankan Kredit **ICP** melalui permohonan bertulis kepada **IMU** dan salinan kepada **TDA**.
- 2.3.4.5 **TDA** dan **IMU** perlu melaksanakan proses pengesahan bagi memastikan lebih kredit itu adalah layak untuk tujuan Perbankan Kredit **ICP**.
- 2.3.4.6 Penyedia **ICP** yang berhasrat untuk menggunakan kredit **ICP** yang telah dibankkan hendaklah menyatakan terlebih dahulu niat mereka semasa penyerahan cadangan tender baru/rundingan terus. Penyedia **ICP** hanya dibenarkan untuk menggunakan kredit **ICP** yang dibankkan bagi projek **ICP** yang dikenal pasti semasa cadangan tender/rundingan terus dengan had maksimum **lima puluh peratus (50%)** dari jumlah **ICV** Mandatori baru.
- 2.3.4.7 Kerajaan mempunyai hak untuk membuat keputusan keatas permohonan Penyedia **ICP** untuk memindahkan kredit **ICP** yang telah dibankkan kepada pihak lain yang terlibat dalam Program **ICP** di Malaysia.

2.3.4.8 Akaun Kredit Bank **ICP** adalah sah bagi tempoh 5 tahun mulai tarikh penyerahan Surat Pelepasan Obligasi **ICP**, yang mana kredit lebihan tersebut akan terbatal selepas tamat tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu serta justifikasi-justifikasi daripada pihak Penyedia **ICP**, tempoh ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada kelulusan **MIEC** atau **AAA**.

2.3.4.9 Penyedia **ICP** dibenarkan untuk menggunakan jumlah kredit **ICP** terkumpul hanya untuk Program **ICP** pada masa hadapan.

2.3.4.10 Pihak **IMU** perlu menyatukan permohonan-permohonan Perbankan Kredit **ICP** oleh Penyedia **ICP** dan dihantar kepada pihak **TDA** untuk tujuan pengesahan. Selepas mendapat perakuan daripada **IC**, pihak **IMU** hendaklah memproses permohonan tersebut untuk pertimbangan kelulusan oleh **MIEC** atau **AAA**.

2.3.4.11 **TDA** perlu menyimpan rekod Perbankan Kredit **ICP** oleh Penyedia **ICP** bagi tujuan rujukan.

2.3.5 Kos

2.3.5.1 Sebarang kos berkaitan pelaksanaan program **ICP** yang tidak melibatkan perbelanjaan di bawah tanggungan kerajaan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Penyedia **ICP**.

2.3.5.2 Sebarang kos yang ditanggung kerajaan adalah terhadap kepada penyediaan pasport dan tuntutan perjalanan rasmi pegawai kerajaan dan perkara-perkara lain yang dipersetujui bersama di antara kerajaan dan Penyedia **ICP**.

2.3.5.3 Di dalam keadaan di mana Penyedia **ICP** menggunakan perkhidmatan pihak ketiga, sebarang kos terlibat hendaklah ditanggung oleh Penyedia **ICP** dan/atau pihak ketiga tersebut. Penyedia **ICP** hendaklah membuat permohonan kepada **IMU** sekiranya berhasrat untuk memasukkan kos tersebut sebagai sebahagian dari kredit **ICP**, tertakluk kepada pengesahan oleh **TDA** dan kelulusan **IC**.

2.3.6 Tukaran Mata Wang Asing

Bagi kontrak perolehan utama yang menggunakan mata wang RM, maka nilai kredit **ICP** Mandatori/Obligasi hendaklah dinyatakan dalam mata wang RM. Dalam keadaan di mana tuntutan semasa dikemukakan dalam bentuk mata wang asing, ia hendaklah ditukarkan kepada mata wang RM mengikut kadar tukaran asing rasmi yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada tarikh bersamaan dengan penyerahan Surat Setuju Terima. Manakala bagi Kontrak Perolehan Utama yang menggunakan mata wang asing pula, nilai kredit **ICP** Mandatori/Obligasi bolehlah dinyatakan dalam mata wang asing yang sama dengan Kontrak Perolehan Utama.

2.3.7 Tempoh Penyempurnaan

2.3.7.1 Obligasi **ICP** hendaklah disempurnakan dalam tempoh pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama sahaja. Walau bagaimanapun bagi sebarang permohonan pelanjutan tempoh justifikasi hendaklah dikemukakan kepada **IC** untuk perakuan dan ianya tertakluk kepada kelulusan **AAA**.

2.3.7.2 Bagi Obligasi **ICP** yang tercetus daripada Kontrak Perolehan Utama yang melibatkan penyewaan (*leasing*):

- a) Sekiranya tempoh penyewaan tersebut kurang dari 5

tahun, tempoh penyempurnaan Obligasi **ICP** adalah sama dengan tempoh penyewaan;

- b) Sekiranya tempoh penyewaan tersebut adalah melebihi 5 tahun, tempoh penyempurnaan Obligasi **ICP** adalah 5 tahun; dan
- c) Tatacara pengiraan kredit **ICP** yang berasaskan pendekatan sewaan adalah seperti di **Lampiran 2**.

2.3.8 Komunikasi dan Dokumentasi

Sebarang komunikasi dan dokumentasi diantara pihak-pihak yang berkaitan mestilah menggunakan Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

2.4 KEPATUHAN KEPADA DASAR ICP

2.4.1 Pihak Agensi yang Membuat Perolehan dan Penyedia **ICP** hendaklah mematuhi Dasar dan Garis Panduan **ICP** ini.

2.4.2 Ketidapatuhan kepada Dasar dan Garis Panduan **ICP** ini yang disebabkan oleh kecuaiian pegawai akan menyebabkan tindakan diambil mengikut peraturan yang berkuatkuasa ke atas Agensi yang membuat perolehan.

2.4.3 Ketidapatuhan kepada Perjanjian Utama **ICP**

Kegagalan Penyedia **ICP** mematuhi Obligasi **ICP** sebagaimana yang telah dipersetujui di dalam Perjanjian Utama **ICP** akan menyebabkan:

- a) Penyedia **ICP** dikenakan penalti yang akan ditolak dari Bon Pelaksanaan berdasarkan jumlah yang ditentukan sepertimana

kaedah pengiraan di **Lampiran 4**; dan

- b) Penyedia **ICP** akan diambil tindakan berdasarkan syarat-syarat dan klausa-klausa kontrak/perjanjian.

2.4.4 Ketidapatuhan kepada Perjanjian Sekunder **ICP**

Penerima **ICP** yang gagal mematuhi Obligasi **ICP** sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Perjanjian Sekunder **ICP** akan menyebabkan:

- a) Kelayakan sebagai Penerima **ICP** akan ditarik balik dan tidak akan dipertimbangkan untuk penyertaan mana-mana Program **ICP** pada masa hadapan.
- b) Penerima **ICP** akan diambil tindakan berdasarkan syarat dan terma Perjanjian Sekunder **ICP** dan kontrak/perjanjian berkaitan.
- c) Penerima **ICP** mungkin dikehendaki untuk mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank dari mana-mana bank/institusi kewangan tempatan yang tidak boleh ditarik balik kepada Pihak Berkuasa **ICP** yang bernilai lima peratus (5%) daripada nilai nominal kontrak sesuatu Projek **ICP**.

2.4.5 Bon Pelaksanaan

2.4.5.1 Penyedia **ICP** dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk Jaminan Bank yang tidak boleh ditarik balik kepada pihak kerajaan dari mana-mana bank/institusi kewangan tempatan yang bernilai lima peratus (5%) daripada nilai Kontrak Perolehan Utama.

2.4.5.2 Bagi **STU**, Bon Pelaksanaan adalah selaras dengan **1PP/PK 2**.

- 2.4.5.3 Bagi Penyedia **ICP**, Jaminan Bank Kontrak Perolehan Utama boleh dijadikan sebagai Bon Pelaksanaan Program **ICP** dan ini perlu dinyatakan dalam Jaminan Bank Kontrak Perolehan Utama. Kaedah ini juga boleh digunapakai bagi Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) dengan persetujuan Agensi.
- 2.4.5.4 Tempoh sah laku Jaminan Bank hendaklah bermula dari tarikh kuatkuasa Kontrak Perolehan Utama sehingga dua belas (12) bulan selepas pelaksanaan penuh Program **ICP** dan penyempurnaan sepenuhnya jumlah **ICV** Mandatori.
- 2.4.5.5 Sekiranya tempoh pelaksanaan Program **ICP** perlu dilanjutkan oleh sebab-sebab tertentu yang boleh diterima, Penyedia **ICP** hendaklah mematuhi terma lanjutan Jaminan Bank seperti berikut:
- a) Bon Pelaksanaan berasingan yang berjumlah sepuluh peratus (10%) daripada baki **ICV** Mandatori hendaklah diserahkan kepada kerajaan dan kekal sah sehingga tempoh dua belas (12) bulan selepas pelaksanaan penuh Program **ICP** tersebut.
 - b) Sekiranya tempoh tersebut tamat dan keperluan **ICP** masih tidak lagi dapat dipenuhi, Penyedia **ICP** perlu menyediakan Bon Pelaksanaan tambahan bernilai sepuluh peratus (10%) daripada nilai baki **ICV** Mandatori; dan
 - c) Proses di atas akan berulang sehingga keperluan **ICP** dipenuhi sepenuhnya, tertakluk kepada kelulusan **IC**.

2.4.6 Penalti

- 2.4.6.1 Penalti akan dikenakan kepada Penyedia **ICP** yang gagal atau tidak melaksanakan sepenuhnya Obligasi **ICP** (untuk kedua-dua **LC** dan bukan **LC**) selepas tamat tempoh Perjanjian Utama **ICP** dan **PIA** telah dilaksanakan.
- 2.4.6.2 Satu jawatankuasa akan ditubuhkan oleh **TDA** bagi menyiasat dan mengenal pasti punca sesuatu **ICP** itu tidak dapat disempurnakan dengan sepenuhnya. Laporan siasatan akan diberikan kepada **IC** dan **MOF** untuk tindakan selanjutnya.
- 2.4.6.3 Pengiraan penalti yang dikenakan terhadap aktiviti-aktiviti **ICP** yang tidak dapat disempurnakan adalah seperti di **Lampiran 4**.
- 2.4.6.4 Sekiranya punca kegagalan Program **ICP** tersebut adalah disebabkan oleh Penyedia **ICP**, penalti yang telah dikenal pasti sebagaimana pengiraan di atas akan ditolak dari Bon Pelaksanaan Penyedia **ICP** tersebut. Keputusan penalti akan dicadangkan oleh **IC** dan dimuktamadkan oleh **AAA**.

BAB 3 - KATEGORI

3.1 PENGENALAN

- 3.1.1 Program **ICP** adalah program yang melibatkan aktiviti yang memberi nilai tambah ke atas sesuatu perolehan yang dibuat oleh kerajaan. Ini adalah bagi memastikan nilai pulangan maksima kepada ekonomi tempatan dengan kos yang efektif. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan pulangan kepada pelaburan yang dibuat oleh kerajaan adalah berfaedah dan memberi impak kepada pembangunan industri-industri tempatan.
- 3.1.2 Penyedia **ICP** perlu mempertimbangkan impak program **ICP** tersebut untuk manfaat jangka masa pendek, sederhana dan panjang di dalam merancang dan mencadangkan program **ICP** sejajar dengan dasar-dasar kerajaan. Pelaksanaan **ICP** ini terbahagi kepada tiga (3) kategori utama:
- a) Program *Offset*;
 - b) Program Pengukuhan Ekonomi (**EEP**); dan
 - c) Program Perdagangan Timbalbalas (*Countertrade*).

3.2 PROGRAM *OFFSET*

- 3.2.1 Program *Offset* adalah merupakan program yang merangkumi aktiviti memperkasa daya saing tempatan dengan memberi keutamaan kepada pembangunan teknologi dan ekonomi berteraskan pengetahuan. Ia disasarkan kepada pembangunan industri tempatan yang berasaskan teknologi dengan meningkatkan kapasiti dan kebolehpayaan syarikat tempatan ke satu aras yang lebih tinggi supaya lebih berdaya saing dalam penglibatan rantaian bekalan

pasaran antarabangsa. Program *Offset* akan tercetus apabila syarikat asing dianugerahkan kontrak oleh Kerajaan Malaysia atau sub-kontrak daripada STU tertakluk kepada Nilai Ambang ICP yang dinyatakan dalam Dasar dan Garis Panduan ini.

3.2.2 Penilaian Program *Offset* dan kredit ICP yang dijana adalah berdasarkan kepada kejayaan program yang ditawarkan oleh Penyedia ICP dan impaknya kepada pemerksaan syarikat tempatan dan pembangunan ekonomi negara dalam sektor yang disasarkan dalam satu tempoh yang dipersetujui. Secara amnya, tempoh pelaksanaan Program *Offset* hendaklah sama dengan tempoh pelaksanaan Kontrak Perolehan Utama. Terdapat dua (2) kategori Program *Offset* seperti berikut:

3.2.2.1 *Offset* Secara Langsung

Offset Secara Langsung terdiri daripada aktiviti-aktiviti yang berkaitan secara langsung dengan skop Kontrak Perolehan Utama dan dipersetujui secara bersama oleh Penyedia ICP dan kerajaan. Kategori ini merangkumi:

- a) Pembangunan Modal Insan: Aktiviti pelaksanaan ICP di mana Penerima ICP akan diberi peluang untuk membangunkan keupayaannya (modal insan dan rangkaian bekalan kluster industri berkaitan) bagi membolehkan aktiviti sokongan sepanjang hayat peralatan yang diperolehi melalui Kontrak Perolehan Utama terutamanya yang melibatkan *Design and Systems Integration* yang dilaksanakan menggunakan keupayaan tempatan. Walaubagaimanapun, aktiviti latihan dan pembangunan kebolehpayaan (kompetensi) yang telah disenaraikan di dalam Kontrak Perolehan Utama tidak boleh dikira sebagai ICV.

- b) Pembangunan Kandungan Tempatan (Localization): Aktiviti di mana Penerima **ICP** mendapat kontrak pembuatan sesuatu produk yang berkaitan terus dengan reka bentuk, pembangunan dan pemasangan komponen (penuh atau sebahagian) bagi membantu pembuatan produk yang diperolehi melalui Kontrak Perolehan Utama. **ICV** yang boleh dijana melalui pendekatan ini adalah bergantung kepada impak pakej kerja yang ditawarkan terhadap pembangunan ekonomi berteraskan pengetahuan.
- c) Pemindahan Teknologi: Merangkumi aktiviti berasaskan pembangunan kepakaran dan pemindahan pengetahuan seperti reka bentuk sistem dan subsistem produk yang dibekalkan melalui Kontrak Perolehan Utama; yang akan menambah kebolehpayaan, kapasiti, kompetensi dan kemampanan Penerima **ICP** dalam bidang yang terpilih. Pemindahan teknologi ini merangkumi (tetapi tidak terhad kepada) pemindahan Hak Harta Intelektual yang berkaitan dengan teknologi yang dipindahkan bagi membolehkan pembangunan kompetensi yang berterusan dalam bidang yang telah dikenal pasti.
- d) Pelaburan Langsung Asing: Merangkumi aktiviti pelaburan oleh Penyedia **ICP** asing yang menyumbang kepada pembentukan syarikat usahasama dan perkongsian, pembangunan modal insan dan latihan industri, penambahan kepada pelaburan sedia ada dan lain-lain yang boleh mendokong pelaksanaan program yang dinyatakan di atas. Pelaburan ini boleh dianggap sebagai **ICV** yang mana penilaiannya berdasarkan kepada faedah

pulangan ekonomi yang diterima oleh kerajaan.

3.2.2.2 *Offset* Secara Tidak Langsung

Offset Secara Tidak Langsung terdiri daripada aktiviti yang tidak berkaitan secara langsung dengan skop Kontrak Perolehan Utama dan dipersetujui bersama oleh Penyedia **ICP** dan kerajaan. *Offset* Secara Tidak Langsung merangkumi:

- a) Pemindahan Teknologi, Pengetahuan dan Kemahiran:
 - i. Kerjasama dalam penjanaan atau peningkatan pengetahuan sedia ada untuk menghasilkan paten dan Hak Harta Intelek. Aktiviti ini membolehkan Penerima **ICP** menikmati hak eksklusif dan seterusnya memperkasa teknologi yang telah dibangunkan untuk pembangunan dan pertumbuhan kompetensi.
 - ii. Pembangunan silibus latihan industri bagi modal insan dan memperkembangkan kemahiran/kepakaran dalam industri yang berkaitan.
 - iii. Aktiviti latihan yang diperlukan untuk pengoperasian peralatan yang dibekalkan dalam Kontrak Perolehan Utama atau pembangunan kompetensi bagi pelaksanaan Kontrak Utama tidak boleh dikira sebagai **ICV**.
- b) Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan (R&D&C): Inisiatif R&D&C akan menyumbang kepada pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi negara. Fokus utama pelaksanaan aktiviti ini

adalah untuk mengkomersialkan produk daripada universiti dan institusi penyelidikan tempatan yang mempunyai potensi untuk sedia dipasarkan ke pasaran tempatan dan global. Aktiviti R&D&C tersebut perlu diselaraskan dengan aktiviti pemindahan teknologi, pengetahuan dan perkembangan kemahiran seperti di atas.

- c) Pembangunan Kandungan Tempatan: Aktiviti di mana Penerima **ICP** menerima kontrak pembuatan sesuatu produk yang melibatkan reka bentuk, pembangunan dan pemasangan komponen (penuh atau sebahagian) bagi membantu pembuatan produk yang diperolehi tetapi tidak berkaitan secara langsung dengan Kontrak Perolehan Utama.

- d) Akses Pasaran Global: Penyedia **ICP** bertindak sebagai pemudahcara terhadap Penerima **ICP** dalam menyediakan akses kepada pasaran global melalui rangkaian perniagaan Penyedia **ICP** terbabit atau saluran lain yang bersesuaian. Ini bertujuan bagi membolehkan Penerima **ICP** mengeksport produk atau servis mereka kepada pasaran global.

- e) Pelaburan Langsung Asing: Merangkumi aktiviti pelaburan oleh Penyedia **ICP** dalam sektor perindustrian yang dipromosikan oleh kerajaan. Pelaburan langsung asing ini boleh diambil kira sebagai **ICV** dan pentaksiran adalah berdasarkan kepada faedah pulangan ekonomi yang diterima oleh kerajaan.

3.3 PROGRAM PENGUKUHAN EKONOMI (EEP)

3.3.1 **EEP** tercetus apabila **STU** dianugerahkan kontrak oleh Kerajaan Malaysia untuk perolehan yang bernilai sama atau lebih daripada Nilai Ambang **ICP** seperti yang dinyatakan dalam Dasar dan Garis Panduan ini. **EEP** diwujudkan untuk memastikan **STU** menyumbang kepada peningkatan dan pembangunan ekonomi negara melalui pelaksanaan **ICP** dan juga sebagai salah satu pendekatan bagi mencapai objektif **PPV**. Terdapat dua (2) kategori **EEP** seperti yang dinyatakan di bawah:

3.3.1.1 **EEP** Secara Langsung

EEP Secara Langsung terdiri daripada aktiviti-aktiviti yang berkaitan secara langsung kepada penyerahan Kontrak Perolehan Utama, dan dipersetujui secara bersama oleh Penyedia **ICP** dan kerajaan. Ini termasuk pembangunan modal insan, pembangunan kandungan tempatan, kandungan tempatan, pakej kerja tempatan, pemindahan teknologi/pengetahuan dan pelaburan langsung domestik.

3.3.1.2 **EEP** Secara Tidak Langsung

EEP Secara Tidak Langsung terdiri daripada aktiviti-aktiviti yang tidak berkaitan secara terus kepada penyerahan Kontrak Perolehan Utama, dan dipersetujui secara bersama oleh Penyedia **ICP** dan kerajaan. Ia termasuk pemindahan teknologi/pengetahuan/kemahiran, R&D&C, pembangunan kandungan tempatan, kandungan tempatan, pakej kerja tempatan, akses pasaran dan pelaburan langsung domestik.

3.3.2 **EEP** adalah mandatori kepada **STU** sekiranya dana yang digunakan bagi perolehan tersebut diperolehi daripada sumber Kerajaan Persekutuan dan nilainya sama atau melebihi Nilai Ambang **ICP**.

- 3.3.2.1 Sekiranya sumber dana untuk perolehan tersebut adalah dari sumber dalaman **STU** itu sendiri, **STU** tersebut adalah digalakkan untuk melaksanakan **EEP**.
- 3.3.2.2 Sekiranya **STU** menganugerahkan kerja-kerja secara sub-kontrak kepada **OEM** asing yang mana nilainya sama atau melebihi Nilai Ambang **ICP**, maka **OEM** tersebut adalah tertakluk kepada pelaksanaan Program Perdagangan Timbalbalas (*Countertrade*) dan/atau *Offset* di mana pengurusan dan pemantauan adalah terletak secara terus di bawah bidang kuasa **TDA**.
- 3.3.3 Pendekatan **ICP** dan **PPV** yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah bertujuan untuk memudah cara pembangunan keupayaan industri tempatan terutamanya **SMEs** dalam kluster industri yang terpilih. Bagi memastikan pembangunan industri secara menyeluruh, pelaksanaan **EEP** hendaklah selari dengan Garis Panduan **PPV** yang telah dikeluarkan oleh kerajaan.
- 3.3.4 Melalui pelaksanaan **EEP**, kerajaan berhasrat melahirkan lebih banyak syarikat tempatan (**STU** dan **SMEs**), terutamanya syarikat-syarikat Bumiputera dalam bidang pembuatan dan perkhidmatan yang melibatkan penggunaan teknologi sederhana dan tinggi yang memberi nilai tambah dalam usaha mendokong pembangunan kluster industri yang terpilih.
- 3.3.5 Pelaksanaan **EEP** yang bersandarkan kepada platform **ICP** adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memacu **STU** supaya terus berkembang dan berdaya saing secara progresif dan kompetitif di pasaran tempatan dan global.
- 3.3.6 **STU** dan kumpulan syarikatnya boleh menjadi Penerima **ICP** bagi program **ICP** mereka sendiri dengan syarat **ICV** keseluruhan yang

dijana daripada projek-projek **ICP** untuk faedah **STU** dan kumpulan syarikatnya sendiri tidak melebihi tiga puluh peratus (30%) daripada Obligasi **ICV**.

3.4 PROGRAM PERDAGANGAN TIMBAL BALAS

3.4.1 Perdagangan Timbal Balas tercetus apabila syarikat asing dianugerahkan kontrak oleh Kerajaan Malaysia bernilai sama atau lebih daripada Nilai Ambang **ICP** yang dinyatakan dalam Dasar dan Garis Panduan ini. Dalam kategori ini, **ICV** yang dijana adalah sama dengan nilai kos Perdagangan Timbalbalas yang boleh dilaksanakan melalui Program Pembelian Balas (*Counterpurchase*) atau Pembelian semula (*Buyback*). Pengurusan pemantauan serta pelaksanaan program di bawah kategori Perdagangan Timbal Balas (yang tercetus melalui **ICP** sahaja) adalah terletak secara langsung di bawah tanggungjawab **TDA** dan **MOF**.

3.4.2 Program Pembelian Balas

3.4.2.1 Bagi tujuan pelaksanaan Program Pembelian Balas, Penyedia **ICP** asing boleh memenuhi Obligasi **ICP** dengan membeli barangan buatan Malaysia yang tertentu (selalunya dinyatakan sebagai peratusan di dalam nilai kontrak) dalam satu jangka masa yang diberi, sebagai pilihan untuk memenuhi keperluan kredit **ICP**.

3.4.2.2 Program Pembelian Balas hendaklah memberi keutamaan kepada produk buatan syarikat-syarikat tempatan. Sekiranya produk tersebut tidak memenuhi peratusan Kredit **ICP** sebagaimana yang dikehendaki, maka pembekal/Penyedia **ICP** boleh mengambil kira komoditi-komoditi yang diluluskan untuk eksport oleh kerajaan sebagai produk kepada Program Pembelian Balas.

3.4.2.3 Komoditi eksport dan/atau produk pembuatan dan/atau perkhidmatan nilai tambah tersebut mestilah daripada senarai yang diluluskan kerajaan. Pihak Penyedia **ICP** perlu mengemukakan cadangan bagi kelulusan **MOF** sekiranya produk atau perkhidmatan yang dikenal pasti tidak terkandung di dalam senarai yang diluluskan kerajaan.

3.4.3 Program Pembelian Semula


3.4.3.1 Bagi tujuan pelaksanaan Program Pembelian Semula, Penyedia **ICP** boleh melaksanakannya dengan membeli semula produk buatan syarikat tempatan yang telah dibangunkan dan dihasilkan di bawah Program **ICP**.

3.4.3.2 Kerajaan akan memberikan penganda yang lebih tinggi terhadap produk yang mengandungi kandungan tempatan Malaysia (*Malaysia Local Content* - **MLC**) yang dikenal pasti memberi impak dan keberhasilan tinggi. Nilai kandungan tempatan bagi produk tersebut haruslah sekurang-kurangnya tiga puluh peratus (30%) daripada Obligasi **ICV**.

3.4.3.3 Program Pembelian Semula produk tempatan yang dibuat melalui aktiviti pembangunan kandungan tempatan amat digalakkan sebagai tanda sokongan Penyedia **ICP** kepada pembangunan industri tempatan. Program seperti ini perlu diperkukuhkan secara berterusan bagi memberi peluang yang mampan kepada industri tempatan untuk terlibat dalam rantaian bekalan global Penyedia **ICP**.

3.5 KANDUNGAN TEMPATAN MALAYSIA (MLC)

3.5.1 **MLC** ialah inisiatif kandungan tempatan Malaysia yang terdiri daripada aktiviti pembangunan dan penggunaan kandungan tempatan langsung seperti Gambar Rajah 1 di bawah:



Gambar Rajah 1: Struktur Kandungan Tempatan Malaysia (MLC)

3.5.2 Pengiraan **ICV** yang layak dituntut oleh Penyedia **ICP** adalah tertakluk kepada pematuhan syarat dan terma **MLC** yang ditetapkan.

3.5.3 Adalah menjadi tanggungjawab Penyedia **ICP** untuk mematuhi dasar penggunaan minimum kandungan/bahan/perkhidmatan tempatan selaras dengan dasar-dasar semasa dalam usaha mengurangkan aliran keluar wang negara.

3.5.4 Penyedia **ICP** perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya tiga puluh peratus (30%) **ICV** untuk **MLC** daripada **ICV** Mandatori dalam pelaksanaan **ICP** tertakluk kepada keputusan **MOF** dari semasa ke semasa; dan keutamaan **MLC** patut diberikan kepada syarikat **SMEs** tempatan. **MLC** yang telah ditentukan sebagai

keperluan mandatori di bawah Kontrak Perolehan Utama tidak boleh dikira sebagai **ICV**.

3.5.5 Penyedia **ICP** hendaklah memberi maklumat kepada kerajaan, **TDA** dan **IMU** berkaitan perkara-perkara di bawah bagi menentukan keberkesanan **MLC** tersebut:

- a) Senarai Bahan (*Bill of Material* - **BoM**);
- b) Senarai spesifikasi, piawaian dan pensijilan yang diperlukan bersama kos yang berkaitan;
- c) Senarai alat ganti dan komponen yang akan dibuat di Malaysia. Di samping itu, nilai kandungan tempatan bagi bahan-bahan pembuatan adalah sekurang-kurangnya tiga puluh peratus (30%) dan perlu selaras dengan keupayaan industri tempatan; dan
- d) Senarai syarikat asing yang berpotensi bagi tujuan kerjasama teknikal berbentuk platform usahasama untuk memberi peluang kepada peningkatan pengeluaran tempatan. Kerjasama ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pembangunan proses pembuatan komponen yang berteknologi tinggi.

3.5.6 Sekiranya Penyedia **ICP** gagal untuk mematuhi keperluan **MLC**, Penyedia **ICP** perlu menyediakan justifikasi bagi kelulusan **IC**.

3.5.7 Elemen-elemen **MLC** adalah seperti berikut tetapi tidak terhad kepada:

3.5.7.1 Tenaga Kerja:

Kos tenaga kerja tempatan untuk aktiviti yang berkaitan dengan reka bentuk produk, pemasangan, pengujian dan

pentauliahan. Dalam memenuhi keperluan, keutamaan hendaklah diberikan kepada tenaga kerja mahir tempatan apabila melibatkan aktiviti teknologi tinggi.

3.5.7.2 Teknologi Tempatan:

Penggunaan teknologi dan Hak Harta Intelek tempatan.

3.5.7.3 Bahan Mentah dan Produk:

Bekalan bahan mentah dan barangan tempatan sedia ada bagi proses pembuatan atau pengeluaran sesuatu produk dan komponen. Sekiranya perlu diimport, ia hendaklah berada dalam bentuk separa siap. Produk siap pula perlu mengandungi bahan-bahan mentah tempatan.

3.5.7.4 Alat Ganti dan Komponen:

Keutamaan kepada pengilang tempatan yang membekalkan alat ganti dan komponen yang berasaskan hasil bahan mentah negara seperti getah asli, timah dan lain-lain.

3.5.7.5 Perkhidmatan:

Perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat tempatan yang sedia ada seperti pengujian, integrasi sistem, logistik, insurans, perbankan (bank yang ditubuhkan di Malaysia) serta perkhidmatan pengangkutan dan lain-lain.

3.5.8 Kos peralatan dan kos penyediaan peralatan bagi tujuan **MLC** boleh dikira sebagai **ICV** sekiranya peralatan tersebut dibuat dan dibeli dari syarikat tempatan.

3.5.9 Sekiranya peralatan tersebut diimport bagi tujuan pelaksanaan **MLC ICP:**

- a) **ICV** tidak akan diambil kira, sekiranya peralatan sama yang mempunyai fungsi yang sama boleh diperolehi dari pengeluar

tempatan;

- b) **ICV** akan diberikan sekiranya peralatan sama yang mempunyai fungsi yang sama tidak boleh diperolehi dari pengeluar tempatan, tertakluk kepada kelulusan **IC** dan pematuhan kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam keperluan-keperluan **MLC**.
- c) **ICV** boleh dijana dari (tidak terhad kepada):
 - i. Kos pembekalan peralatan dengan resit; dan/atau
 - ii. Kos upah pemasangan dan pengoperasian komponen/peralatan tersebut berdasarkan kepada skop kerja yang diberikan.

3.5.10 Pengiraan **LC** adalah seperti di **Lampiran 2**.

3.6 USAHASAMA (JV) DAN KONSORTIUM DENGAN SYARIKAT TEMPATAN

3.6.1 Penyedia **ICP** digalakkan untuk bekerjasama dengan syarikat tempatan dalam bentuk Usahasama (**JV**) atau Konsortium sebagai platform untuk menyokong pembangunan industri tempatan.

3.6.2 Obligasi JV

3.6.2.1 Jika **JV** dianugerahkan kontrak oleh Kerajaan Malaysia dengan nilai yang sama atau melebihi Nilai Ambang **ICP** seperti yang dinyatakan dalam Dasar dan Garis Panduan ini, di mana ekuiti **JV** yang dimiliki oleh **OEM** asing sama atau melebihi dengan syarikat tempatan maka Program Offset akan tercetus.

3.6.2.2 Jika **JV** dianugerahkan kontrak oleh Kerajaan Malaysia dengan nilai yang sama atau melebihi Nilai Ambang **ICP** seperti yang dinyatakan dalam Dasar dan Garis Panduan ini di mana ekuiti **JV** yang dimiliki oleh **OEM** asing kurang daripada syarikat tempatan maka Program **EEP** akan tercetus. Sila rujuk Jadual 1 untuk gambaran perkara di atas.

Bil.	Ekuiti	Nilai Kontrak (RM)	EEP	OFFSET
1.	$OEM \geq$ Syarikat Tempatan	≥ 50 juta		√
2.	$OEM <$ Syarikat Tempatan	≥ 100 juta	√	

Jadual 1: Jadual Obligasi **JV**

3.6.3 **JV** sebagai Projek **ICP**

3.6.3.1 Sekiranya **JV** perlu ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia sebagai salah satu projek **ICP**, jumlah pelaburan oleh Penyedia **ICP** dalam bentuk aliran masuk tunai ke dalam Syarikat **JV** semasa penubuhannya akan diambil kira sebagai **ICV**.

3.6.3.2 Syarikat **JV** yang telah ditubuhkan, akan mendapat manfaat di mana kerajaan akan mempertimbangkan elemen **LC** sebagai sebahagian daripada **ICV** walaupun dilaksanakan bagi tujuan memenuhi Kontrak Perolehan Utama tertakluk kepada terma dan syarat seperti di bawah yang ditentukan semasa pelaksanaan **PIA**:

- a) Lebih lima puluh peratus (50%) ekuiti tempatan;
- b) Lebih tiga puluh peratus (30%) pengurusan kanan

syarikat adalah warga tempatan;

- c) Lebih tujuh puluh peratus (70%) pengurusan dan eksekutif adalah warga tempatan;
- d) Lebih sembilan puluh peratus (90%) operator pengeluaran adalah warga tempatan; dan
- e) Lain-lain inisiatif yang mendokong kepada pembangunan industri tempatan.

3.6.3.3 Syarikat-syarikat **JV** yang ditubuhkan tanpa mematuhi keperluan kerajaan yang dinyatakan dalam **Perenggan 3.6.3.2** tidak boleh dipertimbangkan untuk kredit **ICP**.

3.6.4 Konsortium

3.6.4.1 Bagi kerjasama dengan syarikat tempatan yang berbentuk konsortium yang diluluskan oleh undang-undang, **ICV Mandatori** adalah bergantung kepada nilai kontrak skop kerja yang dianugerahkan kepada ahli konsortium tersebut.

3.6.4.2 Skop yang dilaksanakan oleh Konsortium dan mengandungi elemen **LC** yang diberikan kepada rakan kongsi tempatan bagi memenuhi keperluan di bawah Kontrak Perolehan Utama boleh dipertimbangkan sebagai **ICV**.

BAB 4 – RANGKA KERJA PENGURUSAN ICP MALAYSIA

4.1 PENGENALAN

- 4.1.1 Rangka Kerja Pengurusan **ICP** Malaysia telah diwujudkan sebagai garis panduan pelaksanaan Program **ICP**. Rangka Kerja ini dibangunkan bagi memastikan proses pelaksanaan **ICP** lebih efisien dan mampu memberi keberhasilan berimpak tinggi terhadap pembangunan industri dan ekonomi negara.
- 4.1.2 Proses-proses yang terlibat di dalam pelaksanaan Program **ICP** adalah seperti di **Lampiran 1**.

4.2 PRA-PELAKSANAAN

4.2.1 Pengenalan

4.2.1.1 Agensi yang melaksanakan perolehan hendaklah memaklumkan mengenai perolehan yang bakal dilaksanakan sekiranya dijangka nilai perolehan sama atau melebihi Nilai Ambang **ICP** kepada Bahagian Perolehan Kerajaan, **MOF** sekurang -kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh perolehan dilaksanakan supaya pelan rancangan **ICP** dapat diwujudkan dengan lebih berkesan. Agensi yang Membuat Perolehan hendaklah bekerjasama dengan **MOF** dan **TDA** dalam pelaksanaan **ICP**.

4.2.1.2 **TDA** perlu mengenal pasti keperluan pelaksanaan **ICP** untuk perolehan tersebut berdasarkan kepada nilai, keperluan dan impak yang dapat menyokong aspirasi strategik negara.

4.2.1.3 **TDA** perlu mengenal pasti aspirasi strategik negara dalam membangunkan **ISD**. **ISD** ini akan digunakan sebagai panduan kepada pembentukan **IRD**.

4.2.1.4 **ISD** hendaklah dibentangkan kepada **MOF** bagi tujuan semakan dan kelulusan oleh **MIEC** atau **AAA**.

4.2.2 Permulaan

4.2.2.1 **MOF** atau **TDA** adalah bertanggungjawab untuk memastikan Agensi yang Membuat Perolehan untuk menubuhkan **IC**.

4.2.2.2 **IC** mestilah mengadakan mesyuarat pertamanya di Agensi yang Membuat Perolehan tersebut sebelum tawaran perolehan dilaksanakan.

4.2.2.3 **IMU** hendaklah ditubuhkan/dilantik untuk menjadi sekretariat kepada **IC** dan mentadbir/memantau pelaksanaan **ICP** di peringkat Agensi.

4.2.2.4 **TDA** adalah merupakan Agensi yang dilantik dan mendapat mandat daripada **MOF** untuk bertindak sebagai **IMU** kepada setiap Agensi yang Membuat Perolehan. Manakala, Bahagian Industri Pertahanan (**BIP**), Kementerian Pertahanan bertindak selaku **IMU** bagi Kementerian Pertahanan sahaja.

4.2.2.5 **TDA** bertanggungjawab membimbing **IMU** yang dilantik untuk membangunkan **IRD** sebagai sebahagian daripada dokumen utama tender yang akan dijadikan sebagai garis panduan kepada petender bagi mencadangkan projek **ICP** mereka.

4.2.2.6 **IRD** akan dibentangkan kepada **IC** untuk kelulusan sebelum ianya dimasukkan sebagai sebahagian dari dokumen utama tender.

4.2.3 Tender

4.2.3.1 Satu sesi taklimat **ICP** termasuk yang berkaitan dengan **IRD** akan dilaksanakan oleh **IMU** bagi memastikan pemahaman petender berkaitan keperluan program **ICP** dalam tender tersebut.

4.2.3.2 **IMU** hendaklah menjelaskan perkara-perkara berkaitan tempoh pelaksanaan dan jangkaan **ICV** Mandatori bagi Program **ICP** yang akan dilaksanakan.

4.2.3.3 Tender bagi Kontrak Perolehan Utama hendaklah disertakan dengan **IRD** yang telah diluluskan oleh **IC** sebagai sebahagian daripada dokumen tender.

4.2.3.4 Petender hendaklah memberi penekanan dalam tawaran tender mereka terhadap bidang yang menjadi keutamaan di dalam **IRD** seperti (tetapi tidak terhad kepada) pelaksanaan pembangunan kandungan tempatan, pemindahan teknologi dan pengetahuan, kerjasama R&D&C dan pelaburan.

4.2.3.5 Petender hendaklah menyatakan komitmen mereka dengan memberi cadangan terbaik terhadap keperluan yang ditetapkan di dalam **IRD** di dalam dokumen tender yang dikembalikan. Cadangan ini hendaklah mengandungi permohonan untuk menggunakan Perbankan Kredit **ICP** (sekiranya ada) dengan menyatakan pemegang akaun dan nilai yang hendak dipindahkan.

4.2.4 Penilaian Tender

4.2.4.1 Agensi yang Membuat Perolehan dengan bantuan **IMU** perlu menubuhkan **IEC** dalam tempoh dua (2) minggu sebelum tarikh tutup tender.

4.2.4.2 **IEC** yang ditubuhkan akan menjalankan penilaian terhadap cadangan **ICP**. **IER** hendaklah diperakui dan dimuktamadkan oleh Pengerusi **IEC**.

4.2.4.3 **IEC** perlu memberi taklimat ringkasan penilaian dan menyertakan keputusan penilaian kepada Jawatankuasa Penilaian bagi perolehan yang berkenaan (sekiranya perlu).

4.2.4.4 Agensi yang Membuat Perolehan hendaklah mengambil kira keputusan penilaian cadangan **ICP** ke dalam keseluruhan markah penilaian Kontrak Perolehan Utama dengan pemberat sebanyak sepuluh peratus (10%) untuk pembekalan, perkhidmatan dan kerja.

4.2.4.5 **IMU** hendaklah mengemukakan ringkasan projek **ICP** yang perlu dilaksanakan oleh pembida/pembekal (kontrak rundingan terus) yang terpilih sebagai persetujuan asas **ICP** yang akan menjadi sebahagian daripada Surat Setuju Terima.

4.2.5 Audit Penerima **ICP** (**IRA**)

4.2.5.1 **IRA** hendaklah dilaksanakan ke atas semua calon Penerima **ICP** sebelum disyorkan dan diterima sebagai Penerima **ICP**.

- 4.2.5.2 **TDA** akan memaklumkan cadangan Program **ICP** melalui platform yang bersesuaian. Entiti tempatan yang berminat untuk menjadi Calon Penerima **ICP** bagi program **ICP** tersebut hendaklah menghubungi **TDA/IMU**.
- 4.2.5.3 Calon Penerima **ICP** juga boleh dicadangkan oleh Agensi yang Membuat Perolehan, **TDA**, **IMU** dan Penyedia **ICP**
- 4.2.5.4 **IRA** juga boleh dilaksanakan terlebih dahulu terhadap calon Penerima **ICP** sedia ada yang terdapat di dalam pangkalan data **TDA**.
- 4.2.5.5 **IRA** hendaklah dilaksanakan oleh **TDA** dengan kerjasama daripada wakil **IMU** Program **ICP** tersebut.
- 4.2.5.6 Calon Penerima **ICP** dan mana-mana pihak yang terlibat hendaklah mematuhi syarat-syarat proses **IRA** yang ditetapkan, seperti (tetapi tidak terhad kepada) membekalkan maklumat, menyediakan dan menyerahkan dokumen dan rekod, persetujuan untuk lawatan tapak dan temu bual/perbincangan.
- 4.2.5.7 Bagi perolehan yang telah dimuktamadkan, permohonan **IRA** hendaklah dikemukakan oleh **IMU** dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh penerimaan Surat Setuju Terima oleh petender/pembekal terpilih.
- 4.2.5.8 Bagi pemilihan Penerima **ICP**, **TDA** hendaklah memaklumkan dan mengesyorkan keputusan **IRA** kepada **IMU** untuk dibentangkan kepada **IC** bagi mendapatkan kelulusan.

4.2.5.9 Sebarang keputusan pengesyoran **IRA** tidak boleh dianggap sebagai jaminan kepada penyempurnaan tanggungjawab Penerima **ICP** terhadap projek **ICP** yang disertai dan obligasi perniagaan mereka.

4.2.5.10 Selain daripada menilai kepatuhan calon Penerima **ICP** terhadap kriteria yang telah ditetapkan, proses **IRA** juga akan mempertimbangkan kriteria tambahan seperti di bawah untuk melayakkan calon menjadi penerima **ICP**:

- a) Syarikat berstatus Bumiputera; dan
- b) Syarikat yang berdaftar di bawah Dasar Laluan Hijau (Pekeliling Perbendaharaan 1PP/PK 2); atau mempunyai penarafan Program SCORE sekurang-kurangnya tiga (3) Bintang (atau InnoCert) oleh SME Corporation; atau ahli kepada *Malaysian Industry Council for Defence, Enforcement and Security* (MIDES); atau mempunyai pensijilan Audit Teknologi oleh *Standards and Industrial Research Institute of Malaysia* (SIRIM); atau kriteria-kriteria lain yang diperakukan oleh kerajaan.

4.2.5.11 Tempoh sah laku keputusan **IRA** adalah selama dua (2) tahun dari tarikh laporan diluluskan di peringkat **TDA**. Penerima **ICP** hendaklah diaudit semula sekiranya ingin menyertai mana-mana program **ICP** lain selepas tamat tempoh sah laku tersebut.

4.2.5.12 Sekiranya calon Penerima **ICP** mendapat keputusan tidak disyorkan selepas **IRA** diadakan, pengauditan semula boleh dilakukan tertakluk kepada syarat dan pertimbangan **TDA**.

4.2.6 Perjanjian Utama **ICP**

- 4.2.6.1 Agensi yang Membuat Perolehan hendaklah memasukkan klausa Obligasi **ICP** di dalam Kontrak Perolehan Utama seperti di **Lampiran 5**. Klausa tersebut akan menggariskan syarat dan terma Obligasi **ICP**.
- 4.2.6.2 Penyedia **ICP** hendaklah menandatangani Perjanjian Utama **ICP** bersama-sama Kontrak Perolehan Utama. Sekiranya berlaku kelewatan menandatangani Perjanjian Utama **ICP**, **MOF** berhak untuk mengambil tindakan menahan pembayaran berjadual Kontrak Perolehan Utama kepada pembekal/kontraktor.
- 4.2.6.3 Pihak Agensi yang Membuat Perolehan tersebut perlu memastikan penglibatan Penasihat Undang-Undang/Panel Peguam semasa proses merangka Perjanjian Utama **ICP**.
- 4.2.6.4 Perjanjian Utama **ICP** hendaklah menyatakan projek-projek **ICP** yang telah dipersetujui oleh penyedia **ICP** untuk pelaksanaan. Perincian setiap projek **ICP** yang akan dilaksanakan hendaklah dinyatakan di dalam Perjanjian Sekunder **ICP**.
- 4.2.6.5 Penyedia **ICP** hendaklah memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap **ICV** Mandatori dengan kadar seperti berikut:
- a) Sekurang-kurangnya empat puluh peratus (40%) daripada cadangan **ICV** Mandatori hendaklah dipersetujui oleh kerajaan bagi tujuan menandatangani Perjanjian Utama **ICP**.

- b) Baki daripada cadangan **ICV** Mandatori hendaklah dikenal pasti dan dipersetujui di dalam Perjanjian Tambahan **ICP** dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas Perjanjian Utama **ICP** ditandatangani di mana kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan penangguhan bayaran berjadual Kontrak Perolehan Utama, yang mana akan diputuskan oleh **MOF** atau Agensi.
- c) Sekiranya nilai perolehan kurang daripada RM200 juta dan/atau tempoh perolehan kurang daripada 2 tahun, nilai mandatori **ICV** perlu dipersetujui seratus peratus (100%) sebelum Perjanjian Utama **ICP** ditandatangani.

4.2.6.6 Sekiranya Kontrak Perolehan Utama adalah dimiliki oleh **GOC/GLC**, Perjanjian Utama **ICP** adalah merupakan perjanjian tiga pihak di antara pihak Penyedia **ICP**, **GOC/GLC** dan Kerajaan Malaysia.

4.2.6.7 Sekiranya Kontrak Perolehan Utama adalah dimiliki oleh Agensi kerajaan, Perjanjian Utama **ICP** hendaklah ditandatangani oleh Penyedia **ICP** dan Kerajaan Malaysia.

4.2.7 Perjanjian Sekunder **ICP**

4.2.7.1 Perjanjian Sekunder **ICP** (sekiranya dalam bentuk dokumen perjanjian) hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh Penyedia dan Penerima **ICP** dalam tempoh dua belas (12) bulan selepas menandatangani Perjanjian Utama **ICP** atau dalam tempoh enam (6) bulan selepas menandatangani Perjanjian Tambahan **ICP** atau yang mana lebih lewat.

- 4.2.7.2 Perjanjian Sekunder **ICP** hendaklah ditandatangani oleh Penyedia **ICP** dan/atau Pihak Berkuasa **ICP** dan Penerima **ICP** tertakluk kepada kelulusan **IC**.
- 4.2.7.3 Kelewatan dalam menandatangani Perjanjian Sekunder **ICP** akan menyebabkan pemotongan lima peratus (5%) dari pencapaian **ICV** projek. Sebarang pemotongan akan diputuskan di peringkat **IC**.
- 4.2.7.4 Pemotongan pencapaian **ICV** melalui mekanisma penalti ini tidak akan melepaskan Penyedia **ICP** daripada obligasinya dan masih tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di dalam Perjanjian Utama **ICP** dan Perjanjian Tambahan **ICP**.

4.3 PELAKSANAAN

4.3.1 Pemantauan dan Laporan

- 4.3.1.1 **IMU** hendaklah memantau pelaksanaan program **ICP** dan prestasi Penyedia **ICP**. Penyedia **ICP** hendaklah mengemukakan laporan kemajuan kepada **IMU** secara berkala atau seperti yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Utama **ICP**.
- 4.3.1.2 Kelewatan mengemukakan laporan kemajuan tersebut pada tarikh yang telah ditetapkan akan menyebabkan pemotongan pencapaian jumlah keseluruhan **ICV** berpandukan kepada Jadual 2 di bawah. Sebarang pemotongan akan diputuskan di peringkat **IC**.

Kelewatan	Kadar Penalti
1 – 29 hari	0.01% dari jumlah ICV yang telah ditentukan
30 – 60 hari	0.02% dari jumlah ICV yang telah ditentukan
61 – 90 hari	0.04% dari jumlah ICV yang telah ditentukan
lebih dari 90 hari	0.10% dari jumlah ICV yang telah ditentukan

Jadual 2: Pemotongan **ICV** ke atas Kelewatan Mengemukakan Laporan Kemajuan

4.3.1.3 **IMU** hendaklah mengemukakan Laporan Kemajuan **ICP** kepada pihak Agensi dan **TDA** pada setiap suku tahun untuk tujuan pemantauan. Format pemantauan dan laporan hendaklah berasaskan kepada amalan terbaik pengurusan projek. Laporan hendaklah merangkumi aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan dalam tempoh yang tertentu seperti mana yang terkandung di dalam Perjanjian Utama **ICP** dan/atau Perjanjian Tambahan **ICP**.

4.3.1.4 Audit Pemantauan (**SA**) akan dilaksanakan sekiranya diperlukan berdasarkan kepada **Perenggan 4.3.2**.

4.3.1.5 **IMU** hendaklah melaporkan pelaksanaan **ICP** secara berkala kepada **TDA** dan **MOF** melalui platform **IMC**.

4.3.2 Audit Pemantauan (**SA**)

4.3.2.1 **SA** hendaklah dijalankan sekiranya terdapat permintaan dari **MOF**, Agensi, **IMU**, Penyedia **ICP** atau mana-mana pihak yang berkepentingan.

- 4.3.2.2 Audit ini akan dijalankan oleh **TDA** dengan bantuan **IMU** dengan objektif untuk menilai dan mengenal pasti keberkesanan dan pencapaian prestasi pelaksanaan **ICP** berhubung dengan isu-isu yang dibangkitkan.
- 4.3.2.3 Pihak-pihak yang terlibat dalam audit ini hendaklah bekerjasama dan mematuhi keperluan audit yang sewajarnya, seperti (tetapi tidak terhad kepada) membekalkan maklumat, menyediakan dan menyerahkan dokumen dan rekod, persetujuan untuk lawatan tapak dan temu bual/perbincangan.
- 4.3.2.4 Laporan **SA** akan disediakan oleh **TDA** untuk **IC** dan/atau dirujuk kepada **MOF** untuk tindakan selanjutnya.

4.4 PASCA PELAKSANAAN

4.4.1 Audit Pasca Pelaksanaan (PIA)

- 4.4.1.1 **TDA** hendaklah menjalankan **PIA** ke atas semua program dan projek **ICP** yang telah dilaksanakan. Tujuan audit ini adalah seperti berikut:
- a) Untuk menentukan **ICV** yang telah dijana dari pelaksanaan **ICP** oleh Penyedia **ICP** melalui proses verifikasi **ICV**;
 - b) Untuk menilai dan mengesahkan pematuhan kepada pelaksanaan program dan projek **ICP** berdasarkan keperluan Perjanjian Utama **ICP** dan Perjanjian Tambahan **ICP** serta sebarang Obligasi **ICP** yang berkaitan;

- c) Untuk menilai impak pelaksanaan **ICP**;
- d) Untuk menentukan keperluan pelepasan obligasi (rujuk **Perenggan 4.4.3**) dan proses penalti dilaksanakan (rujuk **Perenggan 2.4.6**).

4.4.1.2 **IMU** hendaklah membantu **TDA** bagi memastikan Penyedia **ICP** memenuhi tanggungjawab mereka bagi menyediakan dan memberikan maklumat serta bukti-bukti yang mencukupi untuk tujuan audit ini.

4.4.1.3 Bergantung kepada jenis projek **ICP**, bukti-bukti yang diperlukan hendaklah merangkumi:

- a) Bukti-bukti yang telah dipersetujui dan terkandung di dalam Perjanjian Utama **ICP**;
- b) Sebarang bentuk rekod, fakta-fakta yang didokumenkan dan maklumat lain yang boleh disahkan, yang berkaitan dan boleh dipercayai untuk menyokong tuntutan **ICV** serta penyempurnaan program dan projek **ICP**; dan
- c) Bukti-bukti fizikal (jika berkaitan).

4.4.2 Penganugerahan Kredit **ICP**

4.4.2.1 Proses penganugerahan kredit **ICP** adalah seperti berikut:

- a) Penyedia **ICP** perlu mengemukakan permohonan tuntutan kredit **ICP** kepada **IMU** untuk semakan dan kepada **TDA** untuk verifikasi.

- b) Sebelum kredit **ICP** dianugerahkan kepada Penyedia **ICP**, proses verifikasi kredit **ICP** hendaklah dijalankan sebagai sebahagian daripada **PIA** dan kredit **ICP** tersebut perlu diperakukan oleh **IC** (rujuk **Perenggan 4.4.1**).

4.4.3 Pelepasan Obligasi

- 4.4.3.1 Setelah selesai pelaksanaan semua aktiviti dalam Projek **ICP** dan obligasi **ICP** seperti Perjanjian Utama **ICP** (berdasarkan hasil penemuan **PIA**), **IMU** hendaklah mencadangkan pelepasan obligasi Penyedia **ICP** kepada **IC** untuk sokongan dan seterusnya kepada **MIEC** atau **AAA** untuk kelulusan.
- 4.4.3.2 Sekiranya Penyedia **ICP** diluluskan untuk pelepasan Obligasi, **MOF** akan mengeluarkan Surat Pelepasan Obligasi **ICP** seperti di **Lampiran 6**.
- 4.4.3.3 **TDA** adalah bertanggungjawab untuk membuat penilaian terhadap kredit **ICP** yang dijana sekiranya terdapat permintaan daripada Penyedia **ICP** untuk tujuan Perbankan Kredit **ICP**.

BAB 5 – PERBANKAN KREDIT PRA-ICP

5.1 PENGENALAN

Sebarang aktiviti **ICP** yang dilaksanakan oleh **OEM** asing atas dasar sukarela yang tidak dicetuskan oleh sebarang perolehan kerajaan boleh dikira sebagai kredit Pra-**ICP**. Aktiviti Pra-**ICP** hendaklah didaftarkan dengan **TDA** dan diluluskan oleh **MIEC** atau **AAA** sebelum program dimulakan.

5.2 TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat untuk Perbankan Kredit Pra-**ICP** adalah seperti berikut;

- 5.2.1 Aktiviti Pra-**ICP** yang dilaksanakan oleh **OEM** asing tidak akan menjamin syarikat tersebut diberikan sebarang kontrak perolehan di masa hadapan oleh kerajaan.
- 5.2.2 Aktiviti Pra-**ICP** oleh **OEM** tersebut hendaklah dinilai dan diluluskan oleh kerajaan berdasarkan kesesuaian program yang dicadangkan dengan keperluan semasa negara, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kepentingan strategik dalam membangunkan industri tempatan yang telah ditetapkan.
- 5.2.3 Semua aktiviti Pra-**ICP** hendaklah dirujuk kepada **TDA** bagi tujuan penilaian kebolehlaksanaan, pemantauan dan pengesahan. Bagi memastikan kredit Pra-**ICP** diiktiraf, syarat dan proses sebagaimana yang dinyatakan di dalam Rangka Kerja Pengurusan **ICP** Malaysia hendaklah dipatuhi oleh **OEM**.
- 5.2.4 **OEM** asing yang merancang untuk menggunakan kemudahan kredit Pra-**ICP** yang telah dibankkan hendaklah menyatakan hasrat

tersebut semasa penyerahan cadangan tender atau kontrak rundingan terus Kontrak Perolehan Utama.

- 5.2.5 Akaun Perbankan Kredit Pra-**ICP** hanya sah bagi tempoh selama 5 tahun dari tarikh perbankan.
- 5.2.6 Dalam keadaan tertentu, tempoh ini boleh dilanjutkan tertakluk kepada kelulusan **MIEC** atau **AAA**.
- 5.2.7 **TDA** akan menyimpan kesemua rekod-rekod Perbankan Kredit Pra-**ICP** bagi tujuan rujukan.

5.3 PELAKSANAAN

- 5.3.1 **OEM** tersebut hendaklah memohon kepada kerajaan melalui **TDA** untuk melaksanakan program yang kemudiannya boleh digunakan untuk menjana kredit **ICP** bagi Perbankan Kredit Pra-**ICP**.
- 5.3.2 Setelah permohonan diterima, **TDA** akan menilai dan menaksir program yang dicadangkan untuk pertimbangan yang sewajarnya.
- 5.3.3 **TDA** akan menyediakan satu laporan penilaian untuk dikemukakan kepada **MOF** bagi pertimbangan yang sewajarnya dan kelulusan **MIEC** atau **AAA**.
- 5.3.4 Setelah permohonan diluluskan, **TDA** dan **OEM** tersebut akan menetapkan terma dan syarat untuk dimasukkan ke dalam Perjanjian Pra-**ICP**. **OEM** hanya dibenarkan untuk memulakan pelaksanaan program yang dicadangkan bagi Pra-**ICP** setelah Perjanjian Pra-**ICP** ditandatangani oleh kedua-dua pihak.
- 5.3.5 Proses yang terlibat di dalam aktiviti Pra-**ICP** adalah seperti di **Lampiran 1**.

- 5.3.6 **PIA** akan dijalankan apabila program yang telah dicadangkan oleh **OEM** bersedia untuk dinilai bagi tujuan pengesahan kredit Pra-**ICP**.
- 5.3.7 Setelah **PIA** selesai dilaksanakan, **TDA** akan mengemukakan laporan **PIA** kepada **MIEC** atau **AAA** bagi tujuan pertimbangan kelulusan.
- 5.3.8 Sekiranya kredit Pra-**ICP** diluluskan, **TDA** akan menandatangani kredit Pra-**ICP** ke dalam akaun Pra-**ICP OEM** untuk kegunaan program **ICP** akan datang.
- 5.3.9 Kerajaan berhak untuk tidak mendedahkan sebab atau justifikasi terhadap sebarang permohonan Perbankan Kredit Pra-**ICP** yang tidak diluluskan.

BAB 6 – STRUKTUR PENGURUSAN

6.1 PENGENALAN

6.1.1 Bagi memastikan keberkesanan **ICP** di Malaysia, pihak kerajaan telah menubuhkan struktur organisasi pengurusan **ICP** kebangsaan.

6.2 JAWATANKUASA-JAWATANKUASA ICP

6.2.1 Beberapa struktur jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengawal selia **ICP** di Malaysia seperti berikut:

6.2.1.1 Jawatankuasa Eksekutif **ICP** Malaysia (**MIEC**) telah ditubuhkan sebagai satu Jawatankuasa **ICP** peringkat tertinggi di Malaysia di mana Bahagian Perolehan Kerajaan, **MOF** bertindak sebagai Sekretariat.

6.2.1.2 Jawatankuasa **ICP (IC)** adalah sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Agensi Perolehan/Kementerian di mana **IMU** bertindak sebagai Sekretariat.

6.2.1.3 Jawatankuasa Pemantauan **IMU (IMC)** adalah sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Bahagian Perolehan, **MOF** di mana Jabatan Audit dan Pematuhan **TDA** bertindak sebagai Sekretariat.

6.2.1.4 Jawatankuasa Tadbir Urus Operasi **ICP (ICP Operational Governance Committee - IOGC)** adalah sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di peringkat Bahagian Perolehan Kerajaan, **MOF** dan **TDA** di mana Jabatan Audit

dan Pematuhan **TDA** bertindak sebagai sekretariat.

6.2.1.5 Jawatankuasa Kerja **ICP (IWC)** adalah sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh **IMU** bagi Agensi Perolehan di mana **IMU** bertindak sebagai Sekretariat.

6.2.1.6 Jawatankuasa Penilaian **ICP (IEC)** adalah sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan di Agensi yang Membuat Perolehan di mana **IMU** bertindak sebagai Sekretariat.

6.3 KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)

MOF sebagai wakil Kerajaan Malaysia bertanggungjawab ke atas Dasar dan Garis Panduan **ICP**, keberkesanan dan urus tadbir organisasi yang melaksanakan **ICP** iaitu **TDA** selaku Pihak Berkuasa **ICP** di Malaysia. Bagi memastikan pelaksanaan **ICP** yang menyeluruh, Agensi hendaklah mengemukakan semua perolehan yang telah mencapai Nilai Ambang **ICP** dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan 'A'/Lembaga Pengarah kepada **MOF** selaras dengan prosedur perolehan kerajaan.

6.4 TECHNOLOGY DEPOSITORY AGENCY (TDA)

6.4.1 Latar belakang

6.4.1.1 **TDA** merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 November 2002 yang berperanan untuk merancang, menilai, mengurus, memantau, menganalisa dan merekodkan pelaksanaan **ICP** di Malaysia. Sehubungan dengan itu, semua Agensi hendaklah bekerjasama dengan **TDA** bagi memastikan perolehan yang

dicadangkan mematuhi kriteria **ICP** dan dilaksanakan secara terancang dan sistematik.

6.4.1.2 Bagi tujuan pelaksanaan **ICP** yang lebih bersepadu dan menyeluruh, **TDA** perlu menyediakan perancangan jangka pendek, sederhana dan panjang dalam bentuk **ISD** di mana ianya digunakan sebagai rujukan dalam merangka **IRD**.

6.4.1.3 **TDA** hendaklah memastikan Penyedia **ICP** melaksanakan **ICP** dan **IMU** menjalankan tugas dan fungsinya sebagaimana proses yang telah dinyatakan di dalam Rangka Kerja Pengurusan **ICP** Malaysia.

6.4.2 Fungsi dan Tanggungjawab **TDA**

6.4.2.1 Membuat Kajian dan Analisa:

- a) Mengkaji tentang keperluan semasa dan masa hadapan industri tempatan yang boleh dibangunkan melalui pendekatan **ICP** bagi mendokong pertumbuhan ekonomi negara;
- b) Menilai dan menganalisa lanskap industri serta keupayaan dan kapasiti entiti tempatan untuk dipertimbangkan sebagai Penerima **ICP** yang berpotensi;
- c) Menganalisa output dan hasil terhadap **ICP** yang sedang dilaksanakan dan telah selesai; dan
- d) Mengesyorkan langkah penambahbaikan berdasarkan pengalaman dari projek terdahulu dan melakukan penandaan aras proses pelaksanaan oleh negara-

negara lain.

6.4.2.2 Membuat Perancangan

- a) Membangunkan **ISD** untuk memastikan perolehan strategik negara dimanfaatkan sepenuhnya untuk mendokong keperluan negara melalui pelaksanaan **ICP**;
- b) Menyemak, mengemaskini dan mengukur pencapaian **ISD** yang telah diluluskan;
- c) Mengesyorkan pendekatan, amalan dan prosedur terbaik untuk memperoleh, menerima, menambah baik, memperluas dan mengetengahkan aktiviti dan impak **ICP**; dan
- d) Membantu **IMU** dalam menyediakan **IRD** yang akan dijadikan sebagai rujukan kepada petender/pembekal dalam penyediaan cadangan **ICP**.

6.4.2.3 Membuat Penaksiran/ Penilaian

- a) Menaksir kesesuaian, kelayakan dan kesediaan Calon Penerima **ICP** yang berpotensi untuk terlibat di dalam projek **ICP** dengan kerjasama daripada **IMU**;
- b) Menjalankan aktiviti pengauditan (**IRA, SA, PIA**) terhadap Penerima dan Penyedia **ICP** yang mana berkaitan dengan kerjasama daripada **IMU**; dan
- c) Menasihati **IMU** terhadap cadangan projek **ICP** (perincian projek, Penerima **ICP** dan **ICV**) untuk

kelulusan **IC**.

6.4.2.4 Membuat Pengawasan/Pemantauan

- a) Memantau semua aktiviti **ICP** yang tercetis daripada perolehan kerajaan;
- b) Membantu dan memantau **IMU** yang telah dibentuk/dilantik untuk memastikan pelaksanaan **ICP** adalah selaras dengan proses yang dinyatakan di dalam Rangka Kerja Pengurusan **ICP** Malaysia;
- c) Memastikan pelan pelaksanaan **ICP** daripada pelbagai program perolehan kerajaan dilaksanakan secara holistik bagi membolehkan impak lebih besar yang menyumbang kepada ekonomi negara;
- d) Memantau kemajuan pelaksanaan **ICP** secara bersama dengan **IMU** dan menjalankan **SA** sekiranya diperlukan; dan
- e) Sekiranya **TDA** dilantik sebagai **IMU**, maka **TDA** sebagai organisasi hendaklah membuat struktur pemisahan tugas yang jelas di antara fungsi dan peranan sebagai Pihak Berkuasa **ICP** dengan **IMU** bagi memastikan tiada pertindihan tanggungjawab dan integriti pelaksanaan **ICP** tidak terjejas.

6.4.2.5 Membuat Pengesahan

- a) Melaksanakan proses pengesahan melalui **PIA** ke atas tuntutan **ICV** yang dikemukakan oleh Penyedia **ICP** dengan bantuan **IMU**;

- b) Melaksanakan proses pengesahan permohonan Perbankan Kredit **ICP** untuk dikemukakan kepada **IC** bagi tujuan perakuan dan seterusnya kepada **MIEC** atau **AAA** untuk kelulusan;
- c) Membuat proses pengesahan ke atas hasil setiap projek **ICP** yang telah dilaksanakan;
- d) Menyediakan laporan bagi setiap enam (6) bulan kepada **MIEC** dan Bahagian Perolehan Kerajaan, **MOF** untuk setiap program **ICP** yang telah dimuktamadkan.

6.4.2.6 Mengurus Data **ICP**

- a) Merekod dan menyimpan semua maklumat mengenai **ICP** di Malaysia dan maklumat berkaitan keperluan negara bagi perancangan pelaksanaan **ICP** pada masa hadapan;
- b) Bertanggungjawab untuk mengurus semua Perbankan Kredit **ICP** dan kredit Pra-**ICP** yang telah diluluskan;
- c) Menyimpan rekod prestasi Penyedia **ICP** dan Penerima **ICP**; dan
- d) Mengemas kini dan mengurus semua maklumat di dalam pangkalan data.

6.4.2.7 Tanggungjawab **TDA** adalah memastikan Program **ICP** dilaksanakan mengikut Rangka Kerja Pengurusan **ICP** Malaysia.

6.5 JAWATANKUASA EKSEKUTIF ICP MALAYSIA (MIEC)

6.5.1 Ahli-ahli **MIEC** terdiri daripada:

6.5.1.1 Pengerusi - Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP)

6.5.1.2 Pengerusi ganti - Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan);

6.5.1.3 Ahli-ahli Tetap (Ketua Setiausaha atau wakil yang dilantik)

- a) Kementerian Dalam Negeri (KDN);
- b) Unit Perancang Ekonomi (EPU);
- c) Kementerian Pertahanan (MINDEF);
- d) Bahagian Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GIC), **MOF**;
- e) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI);
- f) Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC);
- g) Kementerian Pengangkutan (MOT);
- h) Agensi lain yang berkaitan (sekiranya perlu dan dilantik).

6.5.1.4 Sekretariat – Bahagian Perolehan Kerajaan, **MOF** dan **TDA**.

6.5.1.5 Korum hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan sekurang-kurangnya enam (6) orang ahli tetap.

6.5.2 Fungsi dan Tanggungjawab MIEC

6.5.2.1 Membentuk Dasar dan Garis Panduan **ICP** di Malaysia agar ianya selaras dengan inisiatif kebangsaan untuk membangunkan kemahiran dan keupayaan industri dalam mendokong agenda pembangunan ekonomi negara;

6.5.2.2 Menyelaras, menyelia dan menyediakan hala tuju strategik serta memberi kelulusan kepada pelbagai strategi program **ICP** yang dilaksanakan di Malaysia;

6.5.2.3 Memutuskan tindakan terhadap syarikat Penyedia **ICP** yang gagal mematuhi keperluan pelaksanaan **ICP**; dan

6.5.2.4 Bersidang sekurang-kurangnya sekali (1) dalam tempoh setahun atau tertakluk kepada keperluan. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat perkara yang memerlukan kelulusan segera, perkara tersebut boleh dirujuk kepada pihak **AAA** untuk diselesaikan mengikut kesesuaian, dari semasa ke semasa.

6.6 JAWATANKUASA ICP (IC)

6.6.1 Ahli-ahli **IC** adalah seperti berikut:

6.6.1.1 Pengerusi - Ketua Setiausaha Kementerian yang membuat perolehan atau Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan atau yang setaraf sekiranya perolehan oleh **GOC/GLC**;

6.6.1.2 Pengerusi ganti - Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian atau yang setaraf sekiranya perolehan oleh **GOC/GLC**;

6.6.1.3 Ahli-ahli Tetap:

- a) Wakil Bahagian Perolehan Kerajaan, **MOF**
- b) Setiausaha Bahagian Perolehan Kementerian yang membuat perolehan atau wakil /Ketua Program dari Agensi yang Membuat Perolehan; dan
- c) Ketua **TDA** atau wakil yang diturunkan kuasa oleh beliau.

6.6.1.4 Ahli-ahli (melalui jemputan)

Wakil daripada Agensi/ Institusi/ Pakar Bidang Kursus (sekiranya perlu).

6.6.1.5 Sekretariat – **IMU** yang telah dilantik/ditubuh.

6.6.2 Kehadiran

Kehadiran ahli tetap adalah wajib dan tertakluk kepada Terma Rujukan (*Term of Reference* -TOR) jawatankuasa ini bagi setiap mesyuarat **IC** di mana kegagalan mematuhi perkara ini akan menyebabkan mesyuarat tersebut tidak sah dan terbatal.

6.6.3 Fungsi dan Tanggungjawab **IC**

6.6.3.1 Fasa Pra-Pelaksanaan:

- a) Meluluskan **IRD** yang dibangunkan oleh **TDA/IMU** sebelum dimasukkan sebagai sebahagian daripada

dokumen perolehan tender;

- b) Berperanan sebagai platform di peringkat tertinggi Agensi yang Membuat Perolehan bagi menyelaraskan **ICP** dengan Penyedia **ICP**;
- c) Menilai dan menganalisa keperluan/pakej cadangan **ICP** bagi peningkatan kemahiran untuk menyokong sesuatu perolehan; dan
- d) Menilai, mengesah dan meluluskan projek **ICP** termasuk kandungan projek, **ICV** dan Penerima **ICP** seperti yang dicadangkan oleh **IMU**.

6.6.3.2 Fasa Pelaksanaan

- a) Memastikan semua pelaksanaan **ICP** dipantau oleh **IMU** dan diaudit oleh **TDA**;
- b) Memantau dan menyemak kemajuan pelaksanaan **ICP**;
- c) Memantau semua penyata akaun kredit **ICP** yang dikemukakan oleh **IMU** dan mengesahkan kredit tersebut atau mengesyorkan penalti bersesuaian sekiranya wajar.

6.6.3.3 Fasa Pasca-Pelaksanaan

- a) Menilai permohonan untuk pelepasan Obligasi **ICP** dan mengesyorkan kepada **MIEC** atau **AAA**;
- b) Mempertimbangkan dan mengesyorkan permohonan

Perbankan Kredit **ICP** untuk kelulusan **MIEC** atau **AAA**; dan

- c) Menilai dan meluluskan untuk pengesyoran bagi permohonan pemindahan atau penggunaan Perbankan Kredit **ICP** yang dicadangkan oleh **IMU**.

6.6.3.4 Untuk membuat keputusan ke atas isu yang dibangkitkan di peringkat jawatankuasa ini.

6.6.4 Pembubaran

6.6.4.1 Ahli yang dijemput akan dilepaskan daripada tanggungjawab sebagai ahli mesyuarat **IC** setelah Penyedia **ICP** melaksanakan kesemua obligasinya;

6.6.4.2 Walau bagaimanapun, Ahli Tetap boleh dikekalkan dan pengalaman sebelum ini boleh digunakan ke atas pelaksanaan program **ICP** yang lain bagi Agensi yang Membuat Perolehan tersebut.

6.7 JAWATANKUASA PEMANTAUAN IMU (**IMC**)

6.7.1 Ahli **IMC** adalah seperti berikut;

6.7.1.1 Pengerusi - Timbalan Setiausaha Bahagian (Pengurusan Kontrak), Bahagian Perolehan Kerajaan, **MOF**;

6.7.1.2 Pengerusi ganti - Ketua Seksyen (Kontrak Pusat dan Panel Sistem), Bahagian Perolehan Kerajaan, **MOF**; dan

6.7.1.3 Ahli-ahli

- a) Ketua **TDA** atau mana-mana wakil yang dilantik secara rasmi oleh **TDA**.
- b) Dua (2) orang pegawai dari Unit Penyelarasan *Offset* dan Pemindahan Teknologi, Seksyen Kontrak Pusat dan Sistem Panel, Sektor Pengurusan Kontrak, Bahagian Perolehan Kerajaan, **MOF**.
- c) Sekretariat – Jabatan Audit dan Pematuhan, **TDA**.

6.7.2 Kehadiran

Kehadiran ahli-ahli dan **IMU** yang berkenaan adalah wajib dan tertakluk kepada Terma Rujukan (TOR) jawatankuasa ini. **IMC** boleh mempelawa **IMU** dan wakil bahagian perolehan dari Agensi yang Membuat Perolehan ke mesyuarat **IMC** atas keperluan dari semasa ke semasa.

6.7.3 Fungsi dan tanggungjawab **IMC**:

6.7.3.1 Menyemak prestasi dan penyampaian perkhidmatan **IMU** dalam memastikan ianya dilaksanakan mengikut obligasi perjanjian/kontrak berkenaan.

6.7.3.2 Untuk menyemak, menganalisa, mencadang dan melulus perkara-perkara yang berkaitan dengan operasi dan perkhidmatan **IMU**.

6.8 JAWATANKUASA TADBIR URUS OPERASI ICP (IOGC)

6.8.1 Ahli **IOGC** adalah seperti berikut;

6.8.1.1 Pengerusi – Ketua **TDA**;

6.8.1.2 Ahli-ahli

- a) Ketua Seksyen (Kontrak Pusat dan Panel Sistem), Bahagian Perolehan Kerajaan, **MOF** – merangkap Pengerusi ganti
- b) Pegawai dari Unit Penyelarasan *Offset* dan Pemindahan Teknologi, Seksyen Kontrak Pusat dan Sistem Panel, Sektor Pengurusan Kontrak, Bahagian Perolehan Kerajaan, **MOF**.
- c) Ketua Divisyen Operasi Program **TDA** atau mana-mana wakilnya yang dilantik secara rasmi.
- d) Ketua Divisyen Pembangunan Industri dan Khidmat Nasihat **TDA** atau mana-mana wakilnya yang dilantik secara rasmi.
- e) Sekretariat – Jabatan Audit dan Pematuhan, **TDA**.

6.8.2 Kehadiran

Kehadiran ahli-ahli adalah wajib dan tertakluk kepada Terma Rujukan (TOR) jawatankuasa ini.

6.8.3 Fungsi dan tanggungjawab **IOGC**

6.8.3.1 Menyemak dan membincang keperluan dan isu pelaksanaan **ICP** yang berkaitan dengan Dasar dan Garis Panduan **ICP** dan tadbir urusnya.

6.8.3.2 Mempertimbang dan mencadang sekiranya terdapat keperluan perubahan perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan Dasar dan Garis Panduan **ICP** bagi tujuan kelulusan oleh pihak berkuasa yang tertentu.

6.9 UNIT PENGURUSAN ICP (IMU)

- 6.9.1 **IMU** adalah merupakan satu pasukan yang diwujudkan bagi membantu dan memastikan Agensi yang Membuat Perolehan mematuhi proses-proses seperti yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Pengurusan **ICP** Malaysia.
- 6.9.2 **TDA** adalah merupakan Agensi yang dilantik dan mendapat mandat daripada **MOF** untuk membentuk pasukan dalaman mandiri yang bertindak sebagai **IMU** kepada setiap Agensi yang Membuat Perolehan. Agensi hendaklah menggunakan khidmat pasukan ini sebagai **IMU** dengan bayaran fi untuk menjalankan perkhidmatan **IMU**. Rujuk Jadual 3 untuk peratusan kadar caj **IMU**. Manakala, Bahagian Industri Pertahanan (BIP), Kementerian Pertahanan bertindak selaku **IMU** bagi Kementerian Pertahanan sahaja.

Nilai Perolehan (RM)	Peratusan Kadar Caj IMU %
50 juta dan ke atas	0.8% - 1.0%
500 juta dan ke atas	0.5% - 0.7%
10 bilion dan ke atas	0.2% - 0.4%

Jadual 3: Kadar Caj **IMU** Kepada Agensi

- 6.9.3 **IMU** hendaklah memastikan penyaluran maklumat yang tepat dan laporan hendaklah dilakukan secara teratur serta berkesan terus

kepada **MOF** dan **TDA** bagi tujuan pemantauan. Sebagai tambahan, **IMU** hendaklah juga melaporkan kemajuan pelaksanaan **ICP** secara berkala kepada **IMC** bagi memastikan pelaksanaan **ICP** itu sejajar dengan strategi **ICP** dan aktiviti-aktiviti pelaksanaan diselaraskan sewajarnya.

6.9.4 Fungsi dan Tanggungjawab **IMU**:

6.9.4.1 **IMU** adalah entiti yang dilantik/ditubuhkan untuk menguruskan pelaksanaan **ICP** bagi pihak Agensi yang Membuat Perolehan.

6.9.4.2 **IMU** adalah sekretariat kepada **IC** dan hendaklah sentiasa merujuk kepada **TDA** untuk memastikan pelaksanaan **ICP** adalah selaras dan mematuhi proses yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Pengurusan **ICP** Malaysia.

6.9.4.3 Fasa Pra-Pelaksanaan

- a) Bagi memastikan **ICP** yang dikenal pasti dilaksanakan selari dengan perancangan strategik kerajaan, **IMU** dengan bantuan **TDA** hendaklah menyediakan **IRD** untuk kelulusan **IC**;
- b) **IMU** hendaklah menasihatkan Agensi yang Membuat Perolehan untuk memastikan bahawa **IRD** yang telah diluluskan oleh **IC** dimasukkan sebagai sebahagian daripada dokumen perolehan. **IMU** akan meneruskan pelaksanaan **ICP** mengikut proses seperti yang ditetapkan dalam Rangka Kerja Pengurusan **ICP** Malaysia; dan
- c) **IMU** hendaklah berhubung dengan Pihak Berkuasa **ICP**, Agensi yang Membuat Perolehan, calon

Penerima **ICP** (sekiranya perlu) dan calon Penyedia **ICP** (sekiranya perlu) berkenaan dengan **IRD**. **IMU** hendaklah memberikan penjelasan mengenai **IRD** dan memberi panduan kepada calon Penyedia **ICP** untuk menyediakan cadangan Projek **ICP** mereka.

6.9.4.4 Fasa Pelaksanaan

- a) **IMU** hendaklah berhubung secara langsung dengan Agensi dan Penerima **ICP** yang berkenaan bagi pelaksanaan **ICP** yang telah dikenal pasti;
- b) **IMU** hendaklah menjalankan satu proses penilaian pematuhan dan menilai kemajuan aktiviti pelaksanaan **ICP** seterusnya mengemukakan laporan kepada **IC**, Agensi yang Membuat Perolehan dan **TDA** setiap tiga (3) bulan sekali.

6.9.4.5 Fasa Pasca Pelaksanaan

IMU hendaklah membantu **TDA** dalam menyelenggara penyata akaun kredit **ICP** yang dijana daripada semua Obligasi **ICP** yang telah selesai dan membuat penilaian kredit **ICP** kepada Penyedia **ICP**, serta memproses semua tuntutan kredit **ICP** untuk tujuan pelepasan obligasi mengikut tatacara yang dinyatakan dalam Dasar dan Garis Panduan ini.

6.10 JAWATANKUASA PENILAIAN ICP (IEC)

6.10.1 Ahli-ahli **IEC** adalah seperti berikut:

6.10.1.1 Pengerusi - Ketua **TDA** atau mana-mana wakil yang

dilantik secara rasmi oleh **TDA**.

6.10.1.2 Ahli-ahli

- a) Wakil Pasukan Projek;
- b) Pasukan **IMU**;
- c) Pakar Bidang Khusus (jika diperlukan);
- d) Sekretariat – **IMU** yang telah dilantik/dibentuk; dan
- e) Lain-lain sekiranya diperlukan.

6.10.2 Fungsi dan Tanggungjawab **IEC**

6.10.2.1 Menilai cadangan projek **ICP**;

6.10.2.2 Mengemukakan **IER** kepada Agensi yang Membuat Perolehan terbabit untuk proses selanjutnya.

6.11 JAWATANKUASA KERJA **ICP** (**IWC**)

6.11.1 Ahli-ahli **IWC** terdiri daripada:

6.11.1.1 Pengerusi –Pengarah Program yang dilantik.

6.11.1.2 Pengerusi ganti: Pengurus Program kepada **IMU** atau yang setaraf;

6.11.1.3 Ahli-ahli

- a) Pasukan **IMU**.

- b) Wakil daripada Agensi yang Membuat Perolehan.
- c) Wakil Penyedia **ICP**.
- d) Wakil Penerima **ICP** (sekiranya diperlukan).
- e) Pakar Bidang Khusus (sekiranya diperlukan).
- f) **TDA** (sekiranya diperlukan).
- g) Sekretariat - Pasukan **IMU**.

6.11.2 Fungsi dan Tanggungjawab **IWC**

6.11.2.1 Bertanggungjawab untuk melaksana, mengurus dan memantau aktiviti **ICP** seperti yang telah digariskan untuk program tersebut; dan

6.11.2.2 Merujuk kepada **IC** untuk sebarang isu berkenaan Program **ICP** yang tidak boleh diselesaikan di peringkat **IWC**.

6.12 PERKHIDMATAN PERUNDING DAN KHIDMAT NASIHAT ICP

Mana-mana **OEM/STU** yang berhasrat untuk mendapatkan perkhidmatan perunding dan khidmat nasihat **ICP** daripada individu atau organisasi selain daripada **TDA** hendaklah merujuk kepada **MOF** terlebih dahulu.

6.13 PUSAT RUJUKAN

Untuk sebarang pertanyaan lanjut berkaitan dengan Dasar dan Garis Panduan **ICP**, sila hubungi:

Unit Penyelarasan *Offset* dan Pemindahan Teknologi
Seksyen Kontrak Pusat dan Sistem Panel, Sektor Pengurusan Kontrak
Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Aras 3, Blok Utara, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya, Malaysia

Telefon : +603 8882 3205

Faks : +603 8882 4291

Laman Web : www.treasury.gov.my

BAB 7 - PENUTUP

ICP adalah satu strategi yang digunakan oleh Kerajaan Malaysia dengan memanfaatkan perolehan kerajaan yang strategik untuk membangun dan mengukuh keupayaan serta kapasiti tempatan demi menyumbang kepada pertumbuhan industri dan ekonomi yang mampan. Oleh yang demikian, **ICP** adalah merupakan platform yang penting di mana semua pihak hendaklah bekerjasama sepenuhnya untuk meraih manfaat yang maksimum. Justeru, komitmen daripada semua pihak untuk mematuhi Dasar dan Garis Panduan ini adalah penting bagi memastikan kejayaan pelaksanaan **ICP**.